

Ahli Majlis
2015
angkat
sumpah MS 2

Bah di
Kelantan,
bantulah
mereka MS 5



Urus pelan
bangunan
online
MS 24



Mutiara buletin

www.buletinmutiara.com

PERCUMA



16 – 31 JANUARI 2015



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>

<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

JKKK, jadilah pemimpin masyarakat - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI &
ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BAYAN LEPAS – Mutu 291 perkhidmatan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di negeri ini wajar dipertingkatkan memandangkan Kerajaan Negeri pada tahun ini meluluskan sejumlah RM12,594,480, termasuk untuk kenaikan elauan Pengerusi, Setiausaha serta elauan kehadiran mesyuarat berwajib jawatankuasa berkenaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng membuat gesaan sedemikian pada Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan JKKK Penggal 2015/2016 Bagi Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

“Jadilah pemimpin masyarakat yang mampu menjaga kebijakan dan keselamatan rakyat di peringkat akar umbi.

“Kerajaan Negeri mahu JKKK menjadi perantaraan antara kerajaan dengan rakyat dan sebaliknya,” tegas beliau pada majlis tersebut.

Tambah Guan Eng, JKKK juga seharusnya mencari jalan untuk mengupaya pergerakan Briged Wanita Pulau Pinang di kawasan masing-masing dengan melantik sekurang-kurangnya seorang wanita dalam jawatankuasa komuniti berkenaan.

“Kerajaan Negeri mengharapkan sekurang-kurangnya 15 wanita dilantik sebagai Pengerusi JKKK pada masa hadapan.

“Ini, bukan sahaja membuktikan kita memartabatkan wanita tetapi juga meyakini sifat kepimpinan yang dimiliki oleh mereka,” jelas Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Sebelum itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dalam

ucapannya mengingatkan kesemua JKKK yang dilantik supaya menyempurnakan kerja-kerja ‘profiling’ data demografi serta kemudahan atas berwajib dalam masa 100 hari pertama ini demi memudahkan proses khidmat pelanggan kelak.

“JKKK bukan sahaja merupakan mata dan telinga Kerajaan Negeri, tetapi juga menjadi jentera penting dalam memastikan kelancaran pentadbiran,” katanya yang juga ADUN Pantai Jerejak.

Terdahulu, Guan Eng turut menyempurnakan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan JKKK bagi tiga daerah lain, iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan.

Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam ucapannya



SEBAHAGIAN JKKK membaca ikrar pada Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan JKKK Penggal 2015/2016 Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.



MOHD. Rashid Hasnon (kiri sekali) dan Prof. Dr. P. Ramasamy (empat dari kiri) memerhatikan Lee Khai Loon (dua dari kiri) menyampaikan watikah lantikan JKKK pada majlis penyampaian khas yang diadakan di sini baru-baru ini.

menggesa Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya belajar daripada kelemahan Kerajaan Pusat melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam memulihkan semula Kelantan pasca bencana ‘bah merah’ baru-baru ini.

“Kita harus tegas menegur sama ada (Kerajaan) Persekutuan atau (Kerajaan) Negeri yang ada kelemahan dalam menguruskan bencana tersebut.

“Ini termasuk peringkat JKKK dalam menyelesaikan masalah bencana dengan lebih cepat dan berkesan,” ujar Anwar yang juga Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan JKKK Peringkat Seberang Perai.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Dato' Mohd. Salleh Man, ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon dan Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Amir Md. Ghazali.

Majlis Angkat Sumpah Jawatan & Ikrar Akujanji Ahli-ahli Majlis MPPP & MPSP Tahun 2015.

Perkhidmatan pembersihan bawah PBT cakna kebersihan Seberang Perai

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

SEBERANG JAYA - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dilihat cakna akan nasib rakyat tempatan apabila sanggup membelanjakan lebih peruntukan bagi memastikan kebersihan di Seberang Perai bertambah baik saban tahun.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, ketika perkhidmatan pembersihan MPSP diswastakan sebelum ini iaitu pada 2011, peruntukan pembersihan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan adalah berjumlah kira-kira RM59 juta setahun membabitkan hampir keseluruhan tenaga kerja adalah warga asing.

"Namun, bermula 1 Julai 2014 iaitu apabila perkhidmatan pembersihan diletakkan di bawah MPSP dengan peruntukan berjumlah RM88 juta, jumlah tenaga kerja adalah 100 peratus membabitkan warga tempatan.

"Sungguhpun pendekatan tersebut meningkatkan kos 50 peratus dari RM59 juta kepada RM88 juta bagi tahun 2015, ia adalah berbaloi dinilai pada aspek kualiti. Pada masa sama,

ia juga menangkis tanggapan bahawa rakyat tempatan adalah 'malas' dan enggan bekerja dalam perkhidmatan *Dirty, Dangerous and Difficult* (3D)," ujarnya pada Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis bagi MPSP Penggal 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco-exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud.

Pada majlis tersebut, seramai 24 Ahli Majlis MPSP mengangkat sumpah bagi penggal 2015 dengan menampilkan enam muka baru.

Menurut Guan Eng, daripada jumlah RM88 juta, beberapa peralatan turut ditambah antaranya, lori kompaktor, tong sampah, lori tipper, *road sweeper* dan lain-lain.

"Sebagai tambahan, antara perbelanjaan lain yang diperuntukan MPSP dalam usaha m e n a m b a h b a i k Seberang Perai adalah

meliputi peruntukan untuk projek tebatan banjir berjumlah RM8.09 juta, sistem lalulintas dan jalan raya (RM16.61 juta), kemudahan awam dan infrastruktur (RM15.12 juta), pengindahan dan kehijauan (RM4.08 juta), perundungan (RM3.01 juta), program komuniti dan mesra alam (RM2.33 juta)," jelas beliau.

Sementara itu, Ahli Majlis baru dilantik, Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani memberitahu, beliau berhasrat membantu peniaga-peniaga khususnya golongan wanita di sini.

"Pada masa sama, aspek pembersihan turut akan dipertingkatkan," jelas **SITI NUR SHAZREEN** kepada Buletin Mutiara selepas selesai acara angkat sumpah Ahli Majlis MPSP di sini.



SITI Nur Shazreen Mohd. Jilani.



REZAL Huzairi Md. Zaki.



KETUA MENTERI bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Maimunah Mohd. Sharif (dua dari kanan) memerhatikan buku Fokus 2015 MPSP pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Hasrat sama dilahirkan **AMIR MD. GHAZALI** yang menyifatkan lantikan beliau merupakan suatu tanggungjawab yang harus dipikul dalam menambahbaik MPSP.

"Kita akan usaha memantapkan pembaharuan dalam MPSP, selain itu, kita akan kaji keperluan yang perlu dilaksanakan, contohnya menilai semula apa yang telah dilakukan oleh ahli majlis sebelum ini.

"Juga, aspek pembersihan turut akan cuba dipertingkatkan di kawasan bandar maupun luar bandar," ujar beliau.

Bekas ahli majlis, **REZAL HUZAIRIMD.ZAKI**, mengucapkan tahniah kepada lantikan-lantikan baru sambil berharap kumpulan berkaitan dapat meneruskan kesinambungan MPSP dalam melaksanakan dasar 2015 MPSP.

Serentak majlis berkenaan, Guan Eng turut menyempurnakan Majlis Pelancaran Fokus 2015 dan Kepala Surat Baru MPSP.

Sembilan fokus baru MPSP adalah meliputi aspek kebersihan, keselamatan serta lalulintas, penguatkuasaan undang-undang, kawalan banjir, pengindahan, kehijauan serta kemudahan awam, penglibatan komuniti, pembinaan kapasiti, pengukuhan fiskal dan kecekapan proses kerja.

Syerleena harap lebih wanita memimpin, khidmat kepada masyarakat

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

GEORGE TOWN - Seramai 24 Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) tahun 2015 selesai mengangkat sumpah menerima jawatan masing-masing bagi tempoh setahun berkuatkuasa 1 Januari hingga 31 Disember di sini baru-baru ini.

Majlis angkat sumpah jawatan dan ikrar akujanji berlangsung di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng dan Yang di-Pertua MPPP, Dato' Patahiyah Ismail.

Daripada keseluruhan senarai tersebut, seramai enam muka baru ditampilkan, manakala, baki 18 Ahli Majlis (tahun sebelum ini) masih dikekalkan dalam jawatan.

Enam lantikan baru tersebut adalah Felix Ooi Keat Hin, Goh Choon Keong, Syerleena Abdul Rashid, Yacoob Omar, Mohamed Yusoff Mohamed Noor dan

Sha'ari Md. Salleh.

Kon Yeow dalam ucapannya berkata, Ahli Majlis bukan sahaja orang perantara di antara masyarakat dan pihak berkuasa tempatan (PBT), malah, bertanggungjawab dalam meletak dan menentukan dasar Majlis.

"Ahli Majlis perlu komited terhadap tanggungjawab yang diamanahkan.

"Mereka adalah perantara masyarakat dan penentu dasar-dasar Majlis selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri dan kehendak masyarakat.

"Dasar-dasar yang telah dibuat dan dipersetujui Majlis perlulah dipertahankan semampu mungkin,"

ucapnya pada Upacara Pengakuan Menerima Jawatan Ahli-ahli Majlis MPPP di Dewan Bandaran di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Kon Yeow menaruh harapan tinggi agar MPPP terus komited memperkenalkan kecemerlangan sama ada di peringkat negeri, kebangsaan maupun antarabangsa.

"Tahniah di atas kejayaan demi kejayaan yang dirangkul MPPP sepanjang tahun lalu (2014). Semua ini membuktikan usaha gigih Majlis untuk terus komited memberi khidmat kepada penduduk Pulau Pinang.

"Diharapkan Majlis terus



MOHAMED Yusoff Mohamed Noor (dua dari kanan) menunjukkan tanda kesepakatan bersama-sama Ahli-ahli Majlis MPPP baru dilantik.



SYERLEENA Abdul Rashid (tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama Chong Eng (dua dari kanan) dan Patahiyah Ismail (tiga dari kanan) selepas selesa Upacara Pengakuan Menerima Jawatan Ahli Majlis MPPP di Dewan Bandaran di sini baru-baru ini.

cakna dalam merancang dasar-dasar dan program-program baru yang memberikan manfaat kepada masyarakat, persekitaran dan negeri," ujar beliau.

Dalam pada itu, **MOHAMED YUSOFF** yang pada tahun 2009 pernah dilantik memikul amanah tersebut memberitahu bahawa lantikan kali ini (2015) lebih memberi ruang kepada beliau untuk menyuarakan hal-hal berhubung kebijakan dan kemasyarakatan.

"Kini lebih terbuka untuk bergerak dan menyuarakan pandangan serta buah fikiran."

"Kita akan terus bergerak aktif sama ada di peringkat Majlis, negeri mahupun kebangsaan dalam membela nasib rakyat tidak mengira kaum dan agama," ujar beliau.

Bagi **SYERLEENA**, beliau berpendapat bahawa tugasannya yang menantinya adalah agak mencabar ekoran tidak ramai Ahli Majlis dalam kalangan wanita.

"Justeru, saya berharap dan menggalakkan lebih ramai wanita supaya berani tampil mengambil peranan kepimpinan dan berkhidmat kepada masyarakat," jelasnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

TKMI harap peranan PTSR mirip institusi bank

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Rancangan penubuhan bank pembangunan seperti di Jepun serta di beberapa negara maju menggunakan rizab tunai sedia ada negeri semasa yang melebihi RM1 bilion kini pernah dibincangkan di Pulau Pinang, tetapi, Kerajaan Negeri hari ini secara realitinya mengakui bahawa idea tersebut sukar mendapat sokongan bersepada daripada Putrajaya dan Bank Negara Malaysia.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon bagaimanapun berkata, pihaknya berharap pelaksanaan Program Titian Saksama Rakyat (PTSR) sejak lebih empat tahun lepas mampu berperanan seperti institusi bank kewangan tersendiri pada masa depan, terutama dalam menguruskan skim pinjaman mikrokredit di negeri ini.

"Setakat ini ada juga idea seperti itu (penubuhan bank pembangunan negeri), tetapi, dalam bentuk menimba pengalaman sahaja.

"Saya ada rancangan yang lebih besar lagi, kalau boleh, dapat ia (PTSR) ini akan menjadi macam institusi perbankan yang boleh buat pinjaman (mikrokredit) sahaja," ujarnya selepas merasmikan Majlis Penyampaian Anugerah

Usahawan Berjaya PTSR 2014 di sini baru-baru ini.

Difahamkan, cakap-cakap idea penubuhan Bank Pembangunan Negeri di Pulau Pinang tersebut adalah lanjutan pada pengalaman lampau di negara Jepun dalam membangunkan semula sektor perindustrian pada era pasca pererangan iaitu dengan memanfaatkan kemampuan sistem perbankan hingga berjaya merubah sistem ekonomi pada tahun 1980-an.

Mohd. Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat memberitahu, peningkatan hutang isi rumah negara yang kini mencecah lebih RM854 bilion atau 86.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sehingga menarik perhatian Bank Dunia, sudah pasti sukar mendorong BNM dan Putrajaya agar progresif berhubung idea penubuhan bank pembangunan negeri di Pulau Pinang dalam tempoh waspada ini.

"Dalam keadaan tempoh pinjaman peribadi diperketatkan pada 10 tahun untuk tangani isu hutang isi rumah ini, tak mungkin sesuatu 'yang lebih' dapat dilakukan oleh Putrajaya kini," ujar Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan



MOHD. Rashid Hasnon (berdiri, kanan sekali) merakam gambar kenangan dengan salah seorang usahawan PTSR berjaya 2014 pada majlis penyampaian anugerahnya di sini baru-baru ini.

Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Sebelum itu, beliau memberitahu, Kerajaan Negeri sejak bulan Oktober 2009 hingga kini memperuntukkan sebanyak RM9 juta untuk pelaksanaan PTSR.

Dari jumlah itu, jelasnya, sebanyak RM8,524,630.40 telahpun diagihkan kepada 2,019 peminjam meliputi kelima-lima daerah di negeri ini.

"Seramai 1,691 Melayu dipilih menyertai sistem pinjaman mikrokredit ini, manakala, Cina dan India masing-masing seramai 159 orang dan 169 orang.

"Peminjam PTSR kali keempat pun telah ada diluluskan (PDC)...PTSR ini bukan geran

sebagaimana diamalkan oleh pihak tertentu, tetapi, pinjaman mikrokredit yang kali pertama sahaja sifar faedah.

"Sebanyak 88 peratus (jumlah pinjaman mikrokredit PTSR) berjaya dikutip balik, manakala pinjaman tidak berbayar (NPL) 12 peratus sahaja," jelas beliau.

Mohd. Rashid yang diiringi ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon dan Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang) serta Timbalan Pengurus Besar PDC, Datuk Abdul Rahim Isahak turut menyempurnakan penyampaian insentif berupa wang tunai RM1,500 berserta sijil penyertaan kepada lapan usahawan berjaya PTSR terpilih pada majlis tersebut.

Sumbangan galak aktiviti penternakan negeri

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

SEBERANG JAYA – Seramai sembilan penternak kambing terpilih Parlimen Permatang Pauh menerima insentif ternakan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (DVSP) sebagai bantuan penutup tahun berakhir 2014 di sini baru-baru ini.

Majlis ringkas yang diadakan di Tapak Ekspos Seberang Jaya itu menyaksikan masing-masing penternak menerima enam ekor kambing sebagai usaha Kerajaan Negeri menggalakkan aktiviti penternakan di negeri ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin hadir sendiri bagi menyempurnakan majlis penyampaian sumbangan berkenaan.

Menurut Afif, program seumpama itu bukanlah pertama kali diadakan kerana Kerajaan Negeri turut memberikan bantuan

kepada petani, nelayan dan penternak lembu sebelum ini.

"Bantuan yang diberikan tidak hanya terhad kepada bantuan binatang ternakan seperti yang diadakan kali ini.

"Ada penternak yang menerima bantuan dari segi lain seperti bantuan kewangan, bantuan peralatan dan bantuan pembakian ladang dan kandang," jelasnya pada Majlis Penyerahan Bantuan Insentif Penternakan 2014 Parlimen Permatang Pauh di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya memberitahu, Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan para penternak di negeri ini.

"Ia dapat dibuktikan apabila Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2.708 juta kepada DVSP pada tahun lalu (2014) untuk pelaksanaan projek pembangunan veterinar di seluruh negeri.



PARA penternak memerhatikan kambing-kambing yang bakal disumbangkan.

"Selain daripada peruntukan untuk projek pembangunan veterinar tersebut, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan sebanyak RM250,000 untuk skim Tabung Usahawan Tani Muda bagi membantu para penternak dan petani di negeri ini," tambah Afif.

Justeru, Afif menggesa agar para penternak dan petani Pulau Pinang supaya merebut peluang disediakan Kerajaan Negeri bagi mengembangkan lagi penternakan



dan pertanian diusahakan.

Daripada 54 kambing yang disumbangkan, sebanyak 12 ekor merupakan kambing tenusu, manakala selebihnya adalah kambing pedaging.

SALAH seorang penternak menarik kambing yang diterima pada Majlis Penyerahan Bantuan Insentif Penternakan 2014 Parlimen Permatang Pauh di sini baru-baru ini.

Projek Ekonomi Khas P. Pinang tumpu kawasan desa

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

PULAU BETONG – Kerajaan Negeri berharap supaya warga desa terpilih mendapat lebih banyak manfaat seperti pembinaan kediaman baru, baik pulih rumah serta bantuan peralatan untuk usahawan kecil di bawah Program Ekonomi Khas Pulau Pinang.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian sebelum mengetuai Program Jelajah Desa 2014 Peringkat Daerah Barat Daya baru-baru ini di sini.

“Semua Projek Ekonomi Khas ini memang untuk membantu penduduk desa dari segi biaya kos bina rumah, baik pulih rumah serta bantuan peralatan untuk usahawan kecil dan desa dari rumah masing-masing seperti mesin uli tepung dan buat mee.

“Kerajaan Negeri berharap program Jelajah Desa ini mampu meningkatkan lagi ekonomi penduduk desa di kelima-lima daerah,” ujarnya pada suatu majlis di perkaraan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, Halil Sabri Hamid (PPK Teluk Bahang), Jamaludin Said (PPK Bayan Lepas) dan pegawai-pegawai dari Pejabat PDT turut menyertai



CHIK Ahmad.

program jelajah tersebut.

Program tersebut turut meliputi Daerah Seberang Perai Selatan (SPS). Hadir pada sesi lawatan tersebut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee dan PPK Sungai Acheh, Azmi Samsudin.

Dr. Afif yang juga ADUN Seberang Jaya berkata, Kerajaan Negeri melalui Bajet 2015 mengumumkan peruntukan RM2.09 juta di bawah Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin.

Di bawah program tersebut, beliau memberitahu, harga siling kos pembiayaan baik pulih seunit rumah dinaikkan dari RM11,000 kepada RM15,000 dan RM35,000 dinaikkan kepada RM40,000 untuk kos bina rumah baru rakyat desa terpilih.

Dalam pada itu, Soh Lian En, 52, yang ditemui kemudian merupakan antara penerima yang melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas kerja-kerja membaik pulih kediamannya dekat Pondok Upah di sini.

“Mohon bantuan ini kurang satu tahun sahaja sudah dapat, terima kasih kepada Penghulu dan pegawai Kerajaan Negeri,” ujar beliau.

Nada sama turut diluhukan warga emas, Chik Ahmad, 109, iaitu penerima rumah baru.

“Terima kasih lah atas ambil berat tempat makcik berteduh (supaya) lebih selesa,” kata beliau.



DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) menyampaikan bantuan mesin mengulip tepung kepada salah seorang usahawan kecil desa pada Program Jelajah Desa 2014 Peringkat Daerah Barat Daya baru-baru ini di sini.



SALAH seorang pengusaha menerima mesin mengisar ais kacang.



DR. Afif Bahardin (tengah) ditemani Soon Lip Chee (empat dari kanan) menyampaikan replika kunci bagi menyempurnakan gimik majlis sumbangan rumah kepada salah seorang penerima di Daerah SPS.

Audit ZPP tambah baik pengurusan – Exco

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar: **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri dalam rangka menjalankan audit terhadap Zakat Pulau Pinang (ZPP) bagi memastikan pengurusan institusi berkenaan diurus tadbir secara telus, cekap dan akauntabel, ujar Dato' Abdul Malik Abul Kassim di sini baru-baru ini.

Abdul Malik selaku Exco Hal-

Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna berkata, perkara tersebut diputuskan ekoran timbul pelbagai aduan dan rungutan berhubung sistem pengurusan ZPP baru-baru ini.

“Lanjutan daripada aduan dan rungutan tersebut, saya selaku Exco bertanggungjawab di atas semua urusan agama Islam di negeri ini telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak berkaitan.



ABDUL MALIK ABUL KASSIM.

“Kita telah pun mendapat persetujuan daripada Yang di-Pertua MAINPP (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang), Dato' Mohd. Salleh Man untuk menjalankan audit berkenaan.

“Pihak Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Kewangan Negeri akan menjalankannya (audit) pada kadar segera,” ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Abdul Malik, demi

menambahbaik institusi terbabit pada masa hadapan, Kerajaan Negeri melalui MAINPP tidak akan teragak-agak mengambil tindakan lanjut setelah memperoleh laporan lengkap kelak.

“Sekiranya perlu, audit forensik turut akan dijalankan.

“Walau bagaimanapun, ianya bergantung kepada laporan lengkap yang bakal diperoleh nanti,” tegas Abdul Malik.

Insaf, pilu dan simpati...

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

PENUH keinsafan, pilu dan simpati. Ungkapan yang menyelubungi sanubari saya apabila konvoi Misi Bantuan Banjir Pantai Timur Pulau Pinang menjelaskan kaki di bumi negeri Cik Siti Wan Kembang, Kelantan pada 9 Januari 2015.

Perjalanan kira-kira enam jam memperlihatkan kemasuhan akibat banjir luar biasa selain tragedi bah merah 1926 dan banjir besar tahun 1967 yang melanda Kelantan sebelum ini.

Pada pandangan saya, keadaan perkampungan di Pasir Tumbuh dan Sungai Nenggiri, Gua Musang; Kuala Krai; Dabong dan Kemubu adalah tidak ubah seperti padang jarak padang terkukur dengan struktur rumah adalah musnah sama sekali.

Rata-rata kawasan di sini berubah warna keperang-perangan kesan daripada lumpur banjir. Tidak terkecuali adalah tanaman-tanaman seperti pokok getah yang mati akibat digenangi air untuk tempoh yang terlalu lama.

Saya dan Editor Buletin Mutiara (Bahasa Tamil), G. Revatic yang diamanahkan menyertai Pasukan B dan Pasukan C meliputi kawasan Pasir Tumbuh serta Sungai Nenggiri, Daerah Gua Musang; Daerah Dabong dan Kemubu, Daerah Ketereng kemudiannya bertemu dengan mantan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan, Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah yang ditugaskan membawa 'rombongan' kami ke kawasan-kawasan berkaitan.

Mengetuai pasukan kami adalah Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh. Turut serta, Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ong Ah Teong dan lain-lain sukarelawan.

Menurut Wan Abdul Rahim, lebih 1,000 rumah di Kuala Krai dan 600 buah musnah di Gua Musang.

"Macam di Kampung Pasir Tumbuh, kita (Kerajaan Negeri Kelantan) kenalpasti 82 buah rumah terlibat, separuh daripadanya memang



KEADAAN jambatan landasan keretapi di Sungai Nenggiri.



KEADAAN salah sebuah rumah yang dilanda banjir di Pasir Tumbuh.

rosak terus! Ini yang kita (Kerajaan Negeri Kelantan) sedih sangat, jadi saya berharap bantuan perumahan dan bahan membaiki rumah-rumah turut dapat disumbangkan oleh pihak luar.

"Kemasuhan di Kuala Krai pula melibatkan lebih daripada itu. Kita (Kerajaan Negeri Kelantan) bersyukur pelbagai pihak datang membantu negeri Kelantan dalam situasi yang amat sukar ini," jelasnya kepada kami.

Misi Bantuan Banjir Pantai Timur Pulau Pinang kali ini adalah membabitkan 45 peserta dengan 11 kenderaan pacuan empat roda. Para peserta dibahagikan kepada dua pasukan iaitu Pasukan A ke jajahan Kuala Krai yang mana turut disertai Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, manakala Pasukan B dan C, jajahan Gua Musang.

Di **PASIR TUMBOH**, saya tidak dapat bayangkan betapa hebatnya banjir yang melanda sehingga paras air 'berjaya' menenggelamkan tiga tingkat bangunan Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Tumbuh. Selepas banjir surut, semua kenderaan, peralatan sekolah, infrastruktur awam dan lain-lain disaluti lumpur hampir ke paras lutut.

Malah, sejak bencana tersebut melanda kawasan ini, bekalan elektrik masih terputus dan secara tidak langsung lebih menyukarkan proses pembersihan menggunakan penyembur air bertekanan (*water jet*).

Di tebing **SUNGAI NENGGIRI**, jambatan keretapi keluli turut menyembah bumi dibadai balak-balak besar bergandingan dengan air deras yang juga melenyapkan rumah-rumah berhampiran tebing ia.

Saya melihat kedaifan penduduk di sana sehinggakan ada di antara mereka terpaksa mendirikan khemah sementara di tapak dan luar perkarangan

rumah yang musnah sementara menunggu proses membaiki rumah masing-masing.

Cabaran kami menyampaikan bantuan-bantuan dibawa adalah perjalanan melalui jalan-jalan berlumpur, tanah runtuhan, jalan raya runtuhan, pokok tumbang dan lain-lain kemasuhan.

Boleh dikatakan, apabila melalui setiap batang jalanraya di sana, akan kelihatan tiang-tiang elektrik tumbang. Petandanya, sedikit masa diperlukan bagi memulihkan sepenuhnya keadaan seperti sedia-kala.

Di sebalik perasaan simpati saya, lahir perasaan syukur atas kemurahan hati rakyat Malaysia kerana sepanjang beberapa jam di pusat pemindahan banjir, saya perhatikan pelbagai bantuan tidak henti kunjung tiba sehingga rombongan kami terpaksa mengalihkan kereta bagi memberi laluan kepada mereka yang baru sahaja tiba.

Dari riak wajah penduduk terlibat, mereka ini sememangnya tabah dan kuat kerana masih mampu mengukir senyuman. Tidak lupa persinggahan kami di sebuah warung, kami dijamukan dengan minuman dan makanan sarapan percuma oleh pemiliknya yang serba kekurangan akibat kemasuhan yang dihadapi. Sikap murah hati ini membuatkan kami begitu tersentuh dan kagum atas semangat mereka melawan musibah serta bencana.

Secara keseluruhannya, tiada apa yang dapat diluahkan oleh



PENULIS (dua dari kanan) turut memunggah barang sumbangan untuk disumbangkan kepada penduduk Pasir Tumbuh.

saya yang berpeluang melihat sendiri kemasuhan yang melanda penduduk di Kelantan. Cuma satu sahaja yang dapat saya katakan, bantulah mereka...



KETUA MENTERI ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, Ahli Parlimen Kuala Krai, Kelantan, Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (dua dari kiri), Badan Kebajikan Parlimen Kuala Krai dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain menunjukkan tanda kesepakatan pada Misi Bantuan Banjir Pantai Timur Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



DUA kontena membawa air sumbangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) yang turut menyertai misi sumbangan.



PARA penerima sumbangan di Kuala Krai menunjukkan bendera Pulau Pinang tanda terima kasih.



SEORANG suri rumah bersama-sama sekumpulan kanak-kanak memilih pakaian yang disumbangkan di Kuala Krai.

JALAN yang dilitupi lumpur tebal antara halangan penghantaran bantuan ke Pasir Tumbuh, Gua Musang.

Peniaga Fasa 1 Pasar Chowrasta harap amal amalan bersih - Exco

Oleh: **WATAWA NATAF**

ZULKIFLI

Gambar : **LAW SUUN TING**

GEORGE TOWN - Seramai 45 peniaga Pasar Awam Chowrasta di sini telah menjalankan perniagaan masing-masing di bangunan baru siap dinaiktaraf sejak setahun lalu.

Projek naiktaraf bernilai RM12.1 juta tersebut amat menitikberatkan kebersihan dalam kalangan peniaga bagi kepentingan dan keselesaan para pengunjung.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dalam pada itu, berharap supaya para peniaga yang mula berpindah ke bangunan baru Fasa Satu Pasar Awam Chowrasta dapat mengamalkan amalan kebersihan agar ikon Pulau Pinang berkaitan lebih menonjol sebagai contoh.

“Walaupun terdapat sedikit cabaran dari segi pemindahan peniaga dan tempoh projek, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bagaimanapun berjaya menanganinya dan akan membuat pemantauan lebih kerap supaya ia (Pasar Awam Chowrasta) dapat menjadi pasar contoh,” ujarnya pada sesi lawatan pembukaan Pasar Awam Chowrasta Fasa Satu melalui Jalan Kuala Kangsar di sini baru-baru ini.



BANGUNAN Fase Satu Pasar Awam Chowrasta melalui Jalan Kuala Kangsar yang telah siap dinaiktaraf.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

Pasar Awam Chowrasta yang mula beroperasi sejak tahun 1961 sebelum ini diperdayai tidak pernah dinaiktaraf oleh kerajaan sebelum ini sehingga mewujudkan imej daif serta kotor di mata pengunjung.

Dalam pada itu, Lai Heng memberitahu, 45 peniaga yang juga pemilik kedai yang telah berpindah ke bangunan baru adalah mereka (peniaga) yang sudah lama menjalankan perniagaan di sini.

“Selain peniaga yang telah lama bermula, beberapa peniaga yang



SALAH seorang peniaga ikan yang mula bermula di bangunan baru.

menjalankan perniagaan di luar (bangunan) sebelum ini dan mematuhi syarat-syarat MPPP turut akan



LAKARAN grafik Pasar Awam Chowrasta yang siap dinaiktaraf kelak.



KEADAAN dalam yang bersih dan selesa untuk para pengunjung.

berpindah masuk ke bangunan baru,”

jelasnya.

Tambah beliau, bagi Fasa Dua, kerja-kerja naiktaraf bakal melibatkan bahagian lot di bahagian blok hadapan (Jalan Penang) membabitkan 25 premis menjual ikan, borong (1), baju (14), kasut, kedai kopi (2), buku dan

sayur.

“Buat sementara waktu, mereka (peniaga) akan dipindahkan ke parkir tingkat atas di lot sementara disediakan.

“Kerja-kerja naiktaraf dimulakan pertengahan Januari dan dijangka siap Julai ini,” nyata Lai Heng.

Peraduan lukisan poskad terima penyertaan termuda 3 tahun


GEORGE TOWN - Peraduan Lukisan Poskad - Kreativiti Anak Penang anjuran Sidang Redaksi Buletin Mutiara secara rasminya ditutup dengan penerimaan penyertaan-penysertaan kreatif daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Penyertaan termuda adalah daripada peserta berusia tiga tahun dengan menampilkan lukisan poskad kreatif bertemakan kucing CAT (Cekap, Akauntabel dan Telus).

Saringan akhir bagi memilih pemenang utama, kedua, ketiga dan lima hadiah saguhati akan dijalankan dalam tempoh masa terdekat.

Malah, sebagai penghargaan kepada para pembaca, pelbagai peraduan dengan tawaran hadiah menarik bakal muncul pada edisi-edisi akan datang.

Peraduan Lukisan Poskad - Kreativiti Anak Penang adalah



SEBAHAGIAN penyertaan Lukisan Poskad - Kreativiti Anak Penang kreatif yang diterima piyah pengajar.



LUKISAN peserta termuda bertemakan kucing CAT.



bermula pada 1 Ogos 2014 hingga 31 Disember 2014, terbuka kepada semua lapisan masyarakat.

(RM300), Ketiga (RM150) dan lima hadiah saguhati.

Nantikan pengumuman barisan pemenang dan peraduan terbaru Buletin Mutiara!

Pusat perlu ambil langkah lebih holistik tangani banjir - Exco

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

DATUK KERAMAT - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, risiko bencana seperti 'bah merah' di Kelantan baru-baru ini mungkin boleh dikurangkan sekiranya Kerajaan Pusat menyalurkan peruntukan untuk projek tebatan banjir berwajib mengikut jadual pentadbiran yang ditetapkan.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat berkenaan, Pulau Pinang sendiri masih belum menerima peruntukan

tebatan bajet yang telahpun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) daripada Putrajaya, walaupun RMK10 dijadual berakhir pada bulan Mei depan.

Tambahnya, perkara berbangkit tersebut sekaligus mengakibatkan rancangan Kerajaan Pulau Pinang untuk memperluas serta memperdalam sungai dari Sungai Pinang ke Sungai Air Itam di bawah Fasa Dua Projek Tebatan Banjir Sungai Pinang yang menelan belanja RM150 juta turut tergenda.

"Kerajaan Pusat perlu mengambil langkah yang



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekalii) ketika menjelaskan mengenai Projek Tebatan Banjir Fasa Dua Sungai Pinang.

lebih holistik untuk menangani masalah banjir ini, kerana ini adalah masalah berbangkit sejak dahulu lagi.

"Saya amat marah kerana terdapat 22 projek tebatan banjir di seluruh Malaysia yang menelan belanja lebih daripada satu bilion Ringgit Malaysia, antaranya ialah di Pantai Timur.

"Kerajaan Pusat perlu memberi keutamaan pada masalah ini, tetapi mereka seolah-olah begitu sibuk dengan pemberian BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia) dan sebagainya," tegas Jagdeep semasa berucap pada Majlis Rumah Terbuka Hari Natal dan Tahun Baru 2015 Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, Kerajaan Pusat melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) sepatutnya segera memindahkan keupayaan kewangan, tenaga manusia serta kepakaran Putrajaya untuk usaha-usaha memulihkan semula Kelantan pasca banjir, bukannya asyik cakap-cakap politik menerusi media semata-mata.

Jelas Jagdeep, pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sepatutnya segera mengumumkan pelan pemulihan pasca bencana banjir dengan lebih jelas untuk Kelantan, seperti rancangan membina semula sistem jalan raya yang lebih selamat serta pemajuan rumah mampu milik sekutunya untuk seluruh mangsa bencana di negeri tersebut.

Pada masa sama, Jagdeep turut mencadangkan Kerajaan Pusat supaya mengemukakan rancangan persiapan menghadapi bencana seperti diamalkan di negara-negara maju, memandangkan kebarangkalian malapetaka seperti 'Bah Merah' di Kelantan sudah mampu diramal menggunakan peralatan teknologi tinggi kini.

Dalam perkembangan berkaitan, Kerajaan Pulau Pinang pada Disember tahun lepas telahpun meluluskan Bajet 2015 berjumlah RM13.9 juta serta tambahan RM10 juta lagi untuk projek tebatan banjir serta menaiktaraf sistem perparitan yang diharap dapat mengurangkan risiko bencana di negeri ini kelak.



SEBAHAGIAN kanak-kanak yang memeriahkan penganjuran Majlis Rumah Terbuka Hari Natal dan Tahun Baru 2015 Peringkat DUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

MP Bayan Baru anggap hukuman dua kontraktor JKSB "terlalu ringan"

BATU MAUNG - Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin menganggap denda RM50,000 dan RM35,000 ke atas syarikat kontraktor Cergas Murni Sdn. Bhd. dan Giga Engineering Construction Sdn. Bhd. atas suatu insiden di tapak pemajuan jambatan kedua Pulau Pinang sebagai hukuman yang "terlalu ringan" daripada Mahkamah Seksyen di sini baru-baru ini.

"Hukuman tersebut sangat ringan dan tidak memberi keadilan yang setimpal ke atas mangsa insiden Encik Tajuddin

Zainal Abidin yang kehilangan nyawa akibat insiden tersebut," ujarnya dalam satu kenyataan sambil memberitahu bahawa beliau bertanggungjawab berkata demikian kerana insiden tersebut berlaku dalam kawasan Parlimen yang diwakilinya.

Katanya, Syarikat Jambatan Kedua Pulau Pinang (JKSB) sepatutnya mendedahkan punca sebenar insiden runtuhannya ramp tersebut hingga menghempap mangsa sampai mati, yang kini masih dianggap misteri bagi

pengguna Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

"Selepas 18 bulan, punca kemalangan masih menjadi misteri.

"Kita nampak CEO MRT Corp, Datuk Azhar Abd Hamid meletak jawatan akibat keruntuhan struktur di tapak kerja Kota Damansara....(namun) kita masih tidak nampak sebarang kebertanggungjawaban daripada pihak JKSB."

"Saya menyeru Ketua Pengarah (Eksekutif) DOSH (Pulau Pinang) Ir. Mohtar bin Musri untuk *declassify*

laporan penyiasatan," tegas Tze Tzin.

Justeru, beliau mencadangkan pihak pendakwaan supaya membuat rayuan ke mahkamah tinggi atas hukuman yang didakwa "terlalu ringan".

Terdahulu, Mohd Anuar dipetik berkata, kedua-dua syarikat tersebut dijatuhi hukuman mengikut seksyen 17 dalam Akta Occupational Safety and Health Act 1994.

Cergas Murni Sdn. Bhd. dan Giga Engineering Construction Sdn. Bhd. merupakan syarikat kontraktor JKSB.

Prinsip CAT falsafah Kerajaan Negeri sejak 2008 - KM

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : ALISSALA THIAN

GEORGE TOWN – Urus tadbir bersih dan berkesan kini menjadi suatu kebimbangan dan semakin penting kepada semua pihak termasuk dasar dan gaya kepimpinan secara keseluruhan, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada persidangan antarabangsa, SOCDEM Asia yang menyentuh mengenai Demokrasi Tempatan dan Tadbir Urus Dalam Abad ke-21.

“Pada dasarnya, di Pulau Pinang, kita (Kerajaan Negeri) menerapkan prinsip urus tadbir CAT (Cekap, Akauntabel dan Telus) iaitu merangkumi keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan.

“Ini telah menjadi falsafah Kerajaan Negeri sejak mentadbir negeri Pulau Pinang pada 2008 dan berterusan hingga ke hari ini,” ucapnya pada Majlis Perasmian SOCDEM Asia di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Setiausaha National Anti-Poverty Commission Philippines, Jose Eliseo Rocamora, Timbalan Gabenor Jakarta, Indonesia, Sylviana

Murni Moerdjani dan Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute, Zairil Khir Johari.

Persidangan anjuran badan pemikir Kerajaan Negeri, Penang Institute (PI) bersama *Social Democracy in ASIA*, *Friedrich Ebert Stiftung* dan *Olof Palme International Center* tersebut berjaya menarik lebih 50 peserta dari dalam dan luar negara antaranya Indonesia, Filipina dan Timor Leste.

Berbagai kertas kerja dan pelaksanaannya dibentangkan pakar-pakar berkaitan dan dibahaskan oleh para peserta sepanjang dua hari berlangsungnya persidangan.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, apa yang disasarkan Kerajaan Negeri pada peringkat pertama adalah dari segi kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, ini kerana, tanpa sistem penyampaian awam yang baik, negeri ini akan runtuh.

“Malah, kita (Kerajaan Negeri) telah berjaya menjadikan Pulau Pinang sebagai satu daripada bandar yang paling sesuai didiami bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau Asia Tenggara.

“Pengiktirafannya telah disahkan oleh *ECA International Location Rating*,” ujar beliau.



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kanan) meneliti bahan-bahan catatan beliau pada pembentangan persidangan SOCDEM Asia yang menyentuh mengenai Demokrasi Tempatan dan Tadbir Urus Dalam Abad ke-21.

Taufik Rodhy Konsul Jeneral RI baru

KUNJUNGAN RASMI... Konsul Jeneral Republik Indonesia (RI) yang baru, Taufik Rodhy baru-baru ini mengadakan kunjungan rasmi terhadap Ketua Menteri di sini.

Kunjungan tersebut membuka peluang kepada kedua-dua pihak untuk terus memupuk persahabatan dan kerjasama utuh yang terjalin sebelum ini.

Pelantikan Taufik yang sebelum ini bertugas di Switzerland adalah bagi menggantikan Ronald J.P. Manik.

TAUFIK Rodhy.



KETUA Menteri menyampaikan cenderamata penghargaan kepada salah seorang tetamu jemputan SOCDEM Asia di sini baru-baru ini.

Harap rakyat sedia hadapi kemelut ekonomi - MP



CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) mengedarkan kalendar 2015 Parlimentan Tanjung kepada salah seorang penjual ikan di Pasar Awam Chowrasta sambil diperhatikan Ng Wei Aik (kiri sekali) di sini baru-baru ini.

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI
Gambar: LAW SUUN TING

GEORGE TOWN– Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik menjangkakan 2015 bakal menjadi tahun paling mencabar yang perlu dihadapi semua rakyat Malaysia.

Wei Aik berkata, rakyat perlu bersedia sama ada dari segi fizikal maupun mental untuk menghadapi prospek dan ketidaktentuan ekonomi negara.

“Saya percaya kita semua maklum bahawa Kabinet telah memberi kata putus untuk pelaksanaan GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan) pada April nanti sungguhpun dikritik dan dikatakan bakal membebankan rakyat.

“Saya berharap rakyat dapat bersedia menghadapi kemelut ekonomi dan menyesuaikan diri setelah pelaksanaan GST kelak yang bukan sahaja akan meningkatkan kos sara hidup, tetapi juga kos-kos harian lain.

“Saya juga berharap Kerajaan

Persekutuan dapat mengambil kira beban ekonomi yang dihadapi rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana,” katanya yang ditemui pada Program Mengedar Kalendar 2015 Parlimentan Tanjung di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, Chow Kon Yeow dan ADUN Komtar, Teh Lai Heng.

Jelas Wei Aik, Kerajaan Persekutuan boleh membantu rakyat dengan menurunkan harga minyak ke paras bawah RM2 seliter dengan mengambil kira jumlah subsidi RM19.3 bilion yang telah diluluskan dalam Bajet 2015.

“Harga minyak boleh mencecah RM1.70 atau RM1.60 seliter mengikut harga pasaran kerana ada subsidi disediakan.

“Justeru, diharapkan Kerajaan Persekutuan tidak menggunakan kesempatan rasionalisasi subsidi untuk memansuhkan subsidi minyak tersebut,” tegas beliau.

TDP teraju sains & teknologi PP, siap 2016

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar: **MARK JAMES**

GEORGE TOWN – Sebuah pusat sains dan penemuan dikenali sebagai *Tech-Dome Penang* (TDP) yang akan menjadi ikon Kompleks Tunku Abdul Razak (Komtar) bakal dibangunkan dalam usaha mentransformasikan Pulau Pinang sebagai sebuah pusat kecemerlangan sains dan teknologi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek TDP yang menelan belanja RM23.2 juta itu dijangka bermula pada penghujung suku pertama tahun ini dan siap sepenuhnya menjelang 2016.

“Kerajaan Negeri akan menyewakan *Geodesic Dome*, Komtar (tapak TDP) kepada Penang Tech Centre Berhad (PTCB) yang bertanggungjawab membangunkan TDP pada kadar sewa nominal selama 15 tahun dan pembaharuan sewa hingga 15 tahun lagi,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, TDP adalah sebuah projek teraju bagi memenuhi keperluan yang semakin meningkat untuk modal insan berkemahiran

tinggi dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi di samping menyekat kemerosotan minat, pengetahuan serta persaingan dalam bidang-bidang berkenaan.

“Jika kita lihat, taraf pencapaian pelajar dalam matapelajaran sains dan matematik sejak kebelakangan ini semakin merosot dan berada pada tahap yang membimbangkan di mana melalui *Trend in International Mathematics and Science Study* (TIMSS), penilaian pelajar antarabangsa, pelajar negara kita berada tiga tahun di belakang Korea Selatan, Singapura, Taiwan, Thailand dan Vietnam.

“Oleh itu, objektif TDP bukan sahaja ingin mendorong kanak-kanak menjadi mahir dengan sains dan teknologi, tetapi juga memupuk minat untuk menggunakan dan mencipta inovasi baharu yang mampu memberi impak positif dalam dunia teknologi serta inovasi dunia,” jelas beliau.

Selain itu, Guan Eng memberitahu, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) turut menyumbang RM1.15 juta sebagai permulaan projek tahun 2013 dan akan memberi sumbangan tambahan, RM4 juta tahun ini bagi membantu kos pembinaannya.

Panel khas siasat kes dakwaan renjatan elektrik Bukit Bendera

BUKIT BENDERA – Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PHC) bakal menubuhkan panel khas bagi menjalankan siasatan terperinci berhubung insiden membabitkan seorang warga emas yang mendakwa terkena renjatan elektrik di stesen atas pada sesi lawatan beliau ke Bukit Bendera Disember tahun lalu di sini.

Pengurus Besar PHC, Dr. Lawrence Khoo berkata, panel siasatan khas tersebut bakal terdiri daripada lima individu yang akan dilantik untuk mengenalpasti punca sebenar kejadian tersebut.

Jelasnya, siasatan adalah meliputi

semua aspek dan akan dijalankan secara telus termasuk menyiasat sekiranya terdapat kecuaian ketika pemasangan pokok Krismas hiasan oleh pihak kontraktor dilantik.

“Kejadian ini adalah amat dikesali.

“Kita (panel) akan menyiasat perkara ini secara menyeluruh setelah panel siasatan ditubuhkan,” ujarnya pada sidang media berhubung tindakan susulan PHC ekoran insiden berkaitan di sini baru-baru ini.


Pada Disember tahun lalu, pengunjung dikenali, Teoh Kean Huat, 70, mendakwa terkena renjatan elektrik selepas menyentuh salah satu daripada lampu pokok Krismas hiasan sejurus keluar dari tandas di stesen atas Bukit Bendera.

Beliau yang pengsan kemudiannya dihantar ke Hospital Pulau Pinang (HPP) untuk rawatan lanjut.

Lawrence memberitahu, pihaknya tidak menolak kemungkinan bahawa arus elektrik pada lampu pokok Krismas hiasan berkaitan adalah didorong oleh faktor cuaca iaitu hujan yang kemungkinan menyebabkan penebat serta litar basah.

“Faktor kelembapan tinggi akibat musim hujan dan tangan mangsa (Kean Huat) yang basah sejurus keluar dari tandas mungkin punca berlakunya renjatan apabila kedua-dua subjek bersentuhan,” jelas beliau.

DR. Lawrence Khoo mendemonstrasikan aliran tenaga elektrik hasil sentuhan antara objek medium basah pada sidang media di sini baru-baru ini.



LAKARAN artis rupa bentuk TDP apabila siap kelak.

“Setakat ini, projek ini telah berjaya mengumpul RM21.7 juta termasuk RM17.7 juta daripada syarikat-syarikat tempatan, syarikat multinasional dan orang perseorangan.

“Hanya RM1.5 juta lagi diperlukan, saya yakin projek komprehensif ini akan menjadi kenyataan,” ujarnya.

TDP terbahagi kepada beberapa ruang pameran dan gerak kerja termasuk ruang robotik (*Roboville*), ruang spektrum dan cahaya (*Spark*), Taman Silikon dan bilik *Life Tech*.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang, TDP di www.techdomepenang.org.

Pusat Komputer Karpal Singh percuma untuk penduduk



GURMIT Kaur (berdiri, dua dari kanan) membantu seorang kanak-kanak mengakses komputer sambil diperhatikan Ramkarpal Singh (berdiri, empat dari kanan) dan Wong Hon Wai (berdiri, kanan sekali) pada Majlis Perasmian Pusat Komputer Tuan Karpal Singh di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar: **SHUM JIAN WEI**

AIR ITAM – Demi memastikan pembangunan insaniah dan intelektual kanak-kanak di Kampung Melayu di sini terus berkembang, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh mengambil inisiatif mewujudkan sebuah pusat komputer dikenali Pusat Komputer Tuan Karpal Singh khas bagi golongan berkaitan di sini baru-baru ini.

Selaras itu, Ramkarpal turut menempatkan sembilan komputer bagi tujuan berkaitan.

“Dalam zaman globalisasi kini, saya percaya setiap individu terutamanya kanak-kanak perlu dilengkapkan dengan pelbagai informasi.

“Ini kerana, mereka merupakan pelapis masa depan dan adalah menjadi kepentingan supaya golongan kanak-kanak didehdahkan dengan kepakaran dalam mengakses

teknologi maklumat yang semakin meluas kini,” ujarnya semasa ucaptama Perasmian Pusat Komputer Tuan Karpal Singh di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai dan balu kepada mendiang Karpal Singh, Gurmit Kaur.

Tambah Ramkarpal, penubuhan pusat tersebut bukan sahaja memberi ruang kepada kanak-kanak di kawasan tersebut menikmati kemudahan komputer, malah turut menawarkan kelas pembelajaran komputer secara percuma.


“Penubuhan pusat tersebut merupakan satu idea lama yang baru dapat dilaksanakan.

“Saya berharap dapat meneruskan program-program yang memberi manfaat kepada rakyat.

“Kita akan terus bekerja keras untuk membantu semua demi meningkatkan mutu kehidupan tanpa mengira kaum,” ujar beliau.



Fiesta Hebat kini di Pulau Pinang



Februari Pinang



TROPFEST SEA. (Gambar: Yew Kok Hong).

Oleh: **PENANG GLOBAL TOURISM**

TAHUN Melawat Pulau Pinang 2015 atau *Visit Penang Year 2015* merupakan Tahun Pesta. VPY2015 bermula dengan *Fiesta Hebat Februari* atau *Fabulous February Fiesta* yang padat dengan pelbagai acara menarik yang percuma. Pada 1 Feb, festival filem singkat terbesar di dunia, *Tropfest South East Asia*, kembali ke Pulau Pinang untuk kali



kedua. Pemenang pertandingan filem singkat ini berpeluang menerima hadiah sebanyak USD12,000.

Seterusnya pada 3 Feb, berbilions ribu pengikut agama Hindu

memberi penghormatan kepada Dewa Murugan semasa sambutan Hari Thaipusam. Saksikan paparan keimanan yang dinamik di mana badan dan muka mereka dicucuk dengan pancang untuk menjunjung kavadi yang berat sepanjang perjalanan ke kuil di atas bukit dan mendaki 500 anak tangga.

Selepas itu, pada 19 dan 20 Feb sambutan perayaan Tahun Baru Cina yang meriah dipenuhi irama gendang. Melodi ini akan mengiringi tarian singa yang berwarna-warni dan paling akrobatik dan disiplin di sekitar bandar George Town. Sejurus itu, perayaan sambutan hebat Tahun Baru Hokkien dapat disaksikan di jeti-jeti klan di Pengkalan Weld pada 26 Feb. Beratus-ratus tanglung menghiasi jeti-jeti ini, memberi keindahan yang unik sementara perarak dan konsert-konsert diadakan juga.

Di antara kedua-dua sambutan tahun baru Cina ini, ialah Pesta Belon Udara Panas Pulau Pinang, pada 21 dan 22 Feb. Ini adalah kali pertama acara ini diadakan di Pulau Pinang. Ia menjanjikan satu pengalaman yang unik di samping memberi peluang kepada para pengunjung menyaksikan 15 belon udara panas di Padang Polo, Pulau Pinang.

Pulau Pinang sememangnya tempat di mana ‘pesta dan perayaan tidak berhenti-henti’ dan Fiesta Hebat Februari memang memastikannya. Dapatkan informasi yang lanjut di mynpenang.vpy.gov.my/vpy ataupun #mynpenangvpy untuk gambar-gambar dan ulasan secara langsung.



UPACARA yang mengagumkan semasa perayaan Thaipusam.



Mengembalikan pluralisme sebagai cara hidup rakyat Malaysia

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
Ahli Parlimen Bukit Bendera
merangkap Pengarah Eksekutif
Penang Institute.

PLURALISMA ataupun kemajmukan merupakan suatu rahmat. Mengapa? Kerana Allah mengatakannya demikian:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulamulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).” (Al-Hujurat: 13)

Dalam erti kata lain, pluralisme – keadaan di mana kumpulan minoriti mengekalkan perbezaan budaya mereka tetapi pada masa yang sama diterima sepenuhnya sebagai sebahagian daripada domain masyarakat dominan yang lebih luas – merupakan sifat fitrah kemasyarakatan manusia..

Seperi yang diperhatikan, al-Quran menyatakan dengan jelas bahawa manusia diciptakan dengan keragaman, bahawa kita semua adalah berbeza mengikut jantina, bangsa dan budaya. Lebih penting lagi, kita juga diberitahu bahawa tujuan kepelbagaian ini adalah supaya kita dapat memahami dan belajar daripada satu sama lain. Perbezaan ini seharusnya kita raikan dan bukannya digunakan untuk memecah-belahkan antara kita. Dalam ayat yang sama, Allah juga berfirman bahawa seseorang itu dihakimi bukan mengikut warna kulit atau bangsa mereka, tetapi semata-mata melalui iman dan tingkah laku mereka.

Jalan saya atau jalanraya

Walaupun bagaimana jelas dan nyata sekali pun ayat ini, masih ramai umat Islam yang gagal atau enggan untuk memahaminya, termasuk golongan tertentu di negara kita yang telah entah bagaimana mengaburkan perbezaan antara bangsa dan agama. Mereka bukan sahaja memberikan status istimewa kepada diri sendiri, malah benar-benar percaya bahawa mereka secara azalinya lebih agung berbanding kaum dan agama lain. Tambahan pula, mereka juga percaya hanya tafsiran Islam mereka yang benar dan sah, seolah-olah mereka memonopoli agama.

Selama bertahun-tahun, golongan ini telah menginstitusikan kepercayaan yang tidak berasas mereka dan memaksakannya ke atas rakyat melalui kuasa Pemerintah. Hari ini, mereka mengambil pendekatan campur-tolak (zero-sum) terhadap Islam, di mana sebarang pandangan yang bertentangan dengan mereka itu dianggap tidak sah dan boleh dihukum.

Ambil sebagai contoh kes acara “I want to touch a dog” baru-baru ini yang dianjurkan oleh seorang aktivis sosial di Bandar Utama, Selangor. Pihak berkuasa agama mengambil tindakan keras terhadap tindakan Muslim menyentuh anjing sehingga mereka memulakan siasatan terhadap pengaju kerana didakwa mempromosi pemikiran liberalisme dan pluralisme. Sementara itu, Majlis Fatwa Kebangsaan mengeluarkan kenyataan bahawa menyentuh anjing adalah tindakan bertentangan dengan Islam – ataupun sekurang-kurangnya versi Islam yang diluluskan oleh Pemerintah. Peraturan ini tidak hanya meremehkan orang Islam, malah mengabaikan kepelbagaian pendapat ilmiah tentang perkara ini. Mazhab Maliki, misalnya, mengambil pendirian yang berbeza berkaitan dengan anjing berbanding dengan doktrin Shafie.

Jelas sekali, kita sedang menuju ke arah satu



bentuk Islam yang sangat eksklusif dan parokial. Pendekatan seperti itu bukan sahaja memecahbelahan, tetapi juga bercanggah dengan tradisi budaya kita sendiri. Masyarakat kita sememangnya majmuk sejak dari awal, di mana amalan Islam di rautan kita secara umumnya akomodatif terhadap kepelbagaian dalam tradisi-tradisi Islam yang berwarna-warni, tanpa fanatik kepada manapun satu pandangan tertentu. Sebagai contoh, amalan yang diterimapai berhubung bayaran zakat fitrah di negara ini adalah lebih mendekati pegangan mazhab Hanafi, walaupun kerajaan mendakwa mereka mengikuti Imam Shafie.

Sebenarnya, obsesi untuk menghukum mereka yang berbeza pandangan ini bukan disebabkan agama. Anjing wujud bersama rakyat Malaysia sejak awal lagi, tetapi entah bagaimana hanya kini fatwa diperlukan. Begitu juga dengan Bible berbahasa Melayu dan penggunaan kalimah “Allah” – juga bukan rekaan baru, namun selepas 57 tahun menerima amalan ini, kerajaan dengan tiba-tiba menukar pendirian.

Kalaularah pihak berkuasa agama boleh menzahirkan kesungguhan yang sama dan tidak berkompromi terhadap rasuah dan salah guna Muslim. Bukanlah lebih baik jika ada fatwa yang menyatakan bahawa umat Islam tidak dibenarkan untuk menyentuh wang hasil daripada keuntungan haram?

Ekstremisme akibat takut kehilangan kuasa politik

Jelas, sesuatu idea hanya dianggap sebagai ancaman sekiranya ia mencabar “monopoli ideologi” pihak berkuasa. Oleh itu, di mata Pemerintah, kepelbagaian merupakan bahan manakala keputusan adalah sikap terpuji.

Pendirian ekstrem secara tiba-tiba oleh kerajaan ini sebenarnya berpunca daripada ketakutan hilangnya kuasa politik. Oleh kerana mandat mereka sudah merosot dengan teruk dan



ZAIRIL Khir Johari (berbaju putih, tanpa tali leher) beramah mesra dengan kanak-kanak dan menyampaikan sumbangan kepada rumah kebajikan, Shan Children's Home sempena lawatan beliau ke sana baru-baru ini.

dominasi mereka sekarang dicabar, kerajaan bertindak balas dengan mengenakan cengkaman kuat ke atas institusi agama bagi menghalalkan kuasa moral mereka.

Mereka tidak peduli jika tindakan mereka sebenarnya bukan sahaja memperkecilkan keilmuan tamadun Islam, tetapi juga memperselekehkan akal kurniaan Allah.

Mereka juga tidak peduli jika tindakan itu bertentangan dengan peraturan mereka sendiri. Sebagai contoh, Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengharamkan rokok dan shisha kepada Muslim, namun entah bagaimana tidak pernah ada hasrat politik untuk memastikan peraturan ini dipatuhi.

Maka, adalah jelas penguatkuasaan agama untuk menyentuh wang hasil daripada keuntungan haram ini adalah secara terpilih dan bermotifkan politik. Bagaimana lagi untuk menjelaskan pengharaman buku-buku tertentu dalam bahasa Melayu dengan alasan melanggar ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah, namun buku yang sama tetap boleh diperolehi secara percuma dalam bahasa Inggeris? Tindakan ini adalah satu penghinaan kepada rakyat Malaysia dan orang Melayu khususnya.

Hipokrasi ini turut dipanjangkan kepada nilai-nilai yang berkaitan dengan liberalisme, pluralisme dan sekularisme. Lima puluh tahun yang lalu, ciri-ciri ini merupakan ciri-ciri pilihan yang didukung oleh pemimpin kita sebagai

aspirasi negara. Malangnya, kerajaan kerajaan sekarang melihat kebebasan masyarakat dan kesedaran kolektif sebagai ancaman kepada cengkaman kuasa mereka, nilai yang sama telah diranapkan sebagai ciptaan Barat untuk memecahbelahkan ummah.

Dalam keadaan yang semakin kelam ini, tindak balas yang kuat dan padu diperlukan, agar Malaysia terselamat daripada hawa nafsu Pemerintah yang melampau. Sejak 30 tahun yang lalu, kita telah melihat bagaimana, di tangan kerajaan autoritarian, institusi awam telah dimandulkan dan perlembagaan kita dipinda senggan sewenang-wenangnya. Jika kita tidak membantah mereka yang menggunakan agama untuk menindas hak perbezaan pendapat dan mengukuhkan kuasa mereka, Malaysia tidak mungkin dapat menuntut semula identitinya sebagai sebuah negara yang sederhana, aman dan majmuk.

Dalam hal ini, surat terbuka oleh 25 tokoh Melayu yang menyeru rakyat Malaysia moderat untuk bersuara dan menolak peningkatan suara pelampau haruslah dialu-alukan. Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan oleh beberapa pemerhati, 25 orang ini, tidak kira betapa hebat derjat mereka, tetap masih tidak mencukupi. Langkah pertama telah diambil, kini terpulang kepada kita semua.



MERAKAM gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para jemputan pada Majlis Sambutan Tahun Baru Penang Eurasian Association.



ZAIRIL Khir Johari beramah-mesra dengan salah seorang peniaga ketika mengadakan lawatan turun padang ke Pasar Malam Tanjung Bunga.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2015**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Loh Joo Huat	012 - 422 1133
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani	019 - 411 8343
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Chong Hee	019 - 411 5598
Tiagarajen A/L Annamalai	010 - 387 9305
Ong Eu Leong	010 - 770 0508
Ho Leng Hong	017 - 487 2767
Shafiqah Shobha Abdullah	016 - 496 1659
Mohd. Rizal Abd. Hamid	012 - 424 3878
Rajasegar a/l Govindasamy	019 - 411 7051
Zulkifli Ibrahim	018 - 576 1622
Zaini Awang	019 - 546 3115 019 - 493 6161
Amir Md. Ghazali	013 - 584 8386
Mohd. Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Omar Hassan	019 - 571 8031
Dahalan Fazil	019 - 727 4388
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 508 0039 (Tel) 04 - 657 0918 (Fax)
Ahmad Tarmizi Abdullah	013 - 414 4822
Wong Chee Keet	012 - 451 1312

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPPP 2015**

Nama	Telefon
MPPP	04 - 259 2020
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Sukumar a/l Subramaniam	019 - 442 2113
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Kim Hooi	016 - 438 7855
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Lim Boon Beng	012 - 564 4400
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Kumaresan a/l Arumugam	014 - 945 9621
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Felix Ooi Keat Hin	016 - 417 1331
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Yacoob Omar	013 - 420 3611
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Dr. Lim Mah Hui	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat	016 - 414 3428
Sha'ari Md. Salleh	013 - 788 7786
Mohamed Yusoff Mohamed Noor	012 - 472 8114

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:

CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

Jurugrafik:

IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "**sms blast**",
taip "**ADD ME**" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.

Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat

04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang 2015**



YURAN PENYERTAAN RM 280.00
ACARA : 4 BERPASUKAN (3 GAMES)
PEMAIN WANITA : 8 HANDICAP

JOHAN : RM 1400.00 + PIALA

NAIB JOHAN : RM 900.00

KETIGA : RM 600.00

KEEMPAT : RM 300.00

KELIMA : RM 250.00

KEENAM - KESEPULUH : RM 100.00

INDIVIDU HI-SERIES : RM 100.00

INDIVIDU HI-GAME : RM 100.00

T-Shirt akan diberikan
oleh pengangur...Slaja
cepat dia dapat !!! Terhad

7 FEBRUARI 2015
Megalanes Bowling Centre, Prai
Pertandingan bermula :
9 Pagi (sesi Pagi) & 2 Ptg. (sesi Ptg.)

BERMINAT SILA HUBUNGKI
HAFIZI : 017-447 8829 HERMAN : 019-225 1401
NAZREEN : 012-469 8214 MAISARAH : 019-474 2986

TARIKH TUTUP : 27 JANUARI 2015
Penganjur : Persatuan Penolong Pegawai Tanah Pulau Pinang



TROPFEST
SOUTH EAST ASIA

FESTIVAL FILM PENDEK TERBESAR DI DUNIA

MALAM FESTIVAL

FEBRUARI 1 2015

PADANG KOTA LAMA PULAU PINANG

MASUK PERCUMA

TROPFEST.COM/SEA




tropfest



tropfest



TropfestSEA





KETUA Polis Pulau Pinang, Datuk Wira Rahim Hanafi (depan, dua dari kanan) sambil diiringi Ketua Menteri dan Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB, Ir. Jeseni Maidinsa (kanan sekali) di Majlis Pemakaian Pangkat Polis Bantuan PBAHB.



EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (kanan) menunjukkan keratan akhbar milik pengusaha kuih seri ayu yang pernah ditemuramah Buletin Mutiara pada Program Jelajah Desa 2014 Peringkat Seberang Perai Selatan.



BARISAN ahli jawatankuasa yang menjayakan Majlis Angkat Sumpah dan Ikrar Akujanji Ahli-ahli Majlis MPSP Tahun 2015.



KETUA Menteri bersama-sama YDP MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif (bertudung merah jambu) bergambar kenangan dengan para peserta *Campaign For A Lane (CFAL) Tristate* pada pengjurannya.



AHLI Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim (kanan sekali) beramah-mesra dengan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait (kiri sekali) ketika hadir pada Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan JKPK Penggal 2015/2016 Pulau Pinang Peringkat Seberang Perai.



SUASANA ketika berlangsungnya Mesyuarat Biasa Majlis MPPP.



DUA kanak-kanak menyentuh 'kepala singa' yang digunakan dalam persembahan Majlis Perasmian Pusat Komputer Tuan Karpal Singh.



PARA Pekerja Am Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menjamu selera selepas selesai menjayakan Majlis Perasmian Taman Kejiranah Island Glades.

GRPB mencapai tahap baru pada tahun 2015

Oleh : **HENRY LOH**
Pengurus Projek GRPB, PWDC

PROJEK perintis Bajet Responsif dan Partisipatori (GRPB) PWDC, projek usahasama dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), mencapai empat tahun setakat ini.

Tahun 2014 menyaksikan GRPB mencapai pelbagai peristiwa penting dan julung kalinya. Antara pencapaian untuk tahun lepas bagi pasukan GRPB di PWDC adalah:

Feb: Mengajurkan Persidangan Serantau Asia yang bertajuk “Naratif GRB: Mentransformasi Institusi, Memberdaya Komuniti.” Persidangan ini berjaya hasil daripada sokongan, kerjasama dan penglibatan tenaga kerja keseluruhan PWDC / MPPP / MPSP.

Jun: PWDC, MPPP, MPSP dan kedua-dua komuniti PPR mencapai kemuncak dengan penerimaan Anugerah Khas untuk projek GRPB. Anugerah ini diberikan oleh *International Observatory on Participatory Democracy (IOPD)* bagi mengiktiraf usaha sedar pasukan GRPB untuk menggabungkan perspektif gender dan partisipatori dalam projek perintis utamanya. Ketua Pegawai Eksekutif kami telah hadir ke Rio de Janeiro di Brazil untuk menerima anugerah itu.

Ogos: Ketua Menteri Pulau Pinang secara rasmi melancarkan “Kontrak Pembersihan Komuniti” antara MPPP dan Persatuan Penduduk PPR Jalan Sungai, iaitu yang pertama di negeri Pulau Pinang dan Malaysia.

Detik-detik bangga yang lain untuk pasukan GRPB termasuk jemputan antarabangsa untuk membentangkan kertas kerja tentang usaha dan projek-projek GRPB. Kami telah membentangkan kertas kerja GRPB di peringkat antarabangsa seperti di Korea Selatan, Indonesia, Thailand, China dan Amerika Syarikat. Paling ketara, kedua-dua MPPP dan MPSP komited untuk mengintegrasikan gender dalam proses belanjawan mereka seperti yang telah dinyatakan dalam ucapan bajet 2015 perbandaran.



PENYAMPAIAN anugerah IOPD kepada MPPP, MPSP dan PWDC untuk projek perintis GRPB.

Setelah membangunkan Model GRPB negeri Pulau Pinang dengan rekod pencapaian anugerah dan beberapa peristiwa penting, kami dengan bersemangat melangkah ke tahun 2015. Malah, pasukan GRPB telah dijemput oleh dua majlis tempatan negeri Pulau Pinang untuk mengaplikasikan model ini bagi beberapa projek yang sedang dirancang atau dilaksanakan.

Melalui MPPP, GRPB sedang terlibat dalam dua projek pembangunan, iaitu taman rekreasi di kawasan perumahan di Sungai Ara dan penaiktarafan *Campbell Street Market*. Tujuan projek *Campbell Street Market* adalah untuk mereka bentuk sebuah pasar yang inklusif dan

sensitif gender, serta menghasilkan persekitaran yang mampan dan mencerminkan warisan Pulau Pinang.

Di Seberang Perai, pasukan GRPB telah dijemput oleh MPSP untuk membantu dua projek pasar yang dicadangkan di Bukit Mertajam dan Seberang Jaya. Matlamat untuk pasar-pasar tersebut adalah sama seperti yang telah ditetapkan untuk pasar Campbell Street.

Sementara itu, projek PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan masih berterusan. Di PPR Jalan Sungai, perancangan sedang dibuat bagi membolehkan persatuan penduduk mengambil alih fungsi keselamatan melalui kepolisan



PERTEMUAN EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti Chong Eng dan pasukan GRPB dengan penduduk PPR Ampangan.



TAYANGAN video yang diterajui oleh komuniti di PPR Jalan Sungai.

Meneruskan misi program Pemerkaaan dan Kepimpinan Wanita

Oleh : **YASMIN BATHAMANATHAN**
Pegawai Komunikasi &
Perhubungan Luar, PWDC

TAHUN 2015 kelihatan cerah untuk program Pemerkaaan dan Kepimpinan Wanita (WEL) PWDC. Dengan penerusan siri Lean In @ Penang yang mencecah tahun ketiga, tahun ini akan menyaksikan forum baru yang akan melibatkan

generasi baru pemimpin sektor korporat dan awam. Menurut Pengurus Program WEL, Karen Lai, Lean In @ Penang telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan pada tahun 2013 dan 2014 serta telah diberikan “pengiktirafan antarabangsa melalui penyebutan oleh pengarang dan pengasas pergerakan ‘Lean In’ iaitu Ketua Pegawai Operasi Facebook Sheryl Sandberg sendiri.”

“Kami berharap untuk mencapai tahap baru melalui kerjasama dengan sekurang-kurangnya



LEAN In @ Penang mengorak langkah penting di negeri Pulau Pinang.

tiga rakan sekutu baru dalam tahun ini, dengan tujuan untuk menyebarkan mesej kami dan melebarkan serta mengukuhkan rangkaian kami,” kata Lai.

Sebuah buku yang mencatatkan kisah pengalaman pemimpin wanita melalui dan akibat daripada menyertai Lean In @ Penang juga akan diterbitkan. “Kami berharap buku ini akan memberi inspirasi dan galakan kepada ramai wanita, bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi di seluruh dunia, untuk ‘lean in’ dan memukul cabaran sambil menyedari bahawa mereka tidak bersendirian,” kata Lai.

Selain Lean In @ Penang, WEL akan



SESI Latihan ‘Kepimpinan Wanita dalam Tadbir Urus Tempatan’ yang telah diadakan di KOMTAR pada 22 Nov.

meneruskan kerja bagi meningkatkan kefahaman, kemahiran praktikal, kapasiti dan sokongan rangkaian untuk membuat keputusan, pemimpin wanita dan komuniti tempatan dalam bidang kesaksamaan gender dan kepimpinan wanita.

Selaras dengan tumpuan WEL terhadap membangunkan kapasiti kepimpinan politik wanita di peringkat majlis tempatan, Dewan Undangan Negeri dan Parlimen, program ini akan menggandakan usahanya ke arah menutup jurang gender politik sedia ada melalui jalinan hubungan dengan pemimpin wanita yang sedia ada dan berpotensi.

Tmn. Kejiranan Island Glades beri keselesaan komuniti setempat

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ALISSALA THIAN

SERI DELIMA – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) memperuntukkan lebih RM100,000 bagi menaiktaraf pelbagai kemudahan dan infrastruktur di Taman Kejiranan Island Glades di sini demi keselesaan penduduk setempat.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, penaiktarafan tersebut adalah sebahagian daripada inisiatif Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat yang dilancarkan Kerajaan Negeri sejak 22 Mei 2010 dalam menjadikan negeri ini sebuah bandar mampan yang selesa didiami.

“Syabas! Ini adalah salah satu lagi kejayaan MPPP dalam mentransformasikan Pulau Pinang menjadi sebuah bandar hijau yang mampan.

“Misi hijau ini dilancarkan empat tahun lalu dengan satu harapan iaitu untuk mengubah



Pulau Pinang kepada sebuah bandar yang selesa didiami dan mampan.

“Perubahan ini secara tak langsungnya akan mengerakkan semangat komuniti dan kejiranannya setempat ke arah hidup yang lebih sihat,” ucapnya pada Majlis Perasmian Taman Kejiranan Island Glades di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye dan Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha.

Projek naiktaraf berkenaan adalah melibatkan pembinaan

laluan pejalan kaki baru, pembaikan pagar *steel mesh* sedia ada, pemasangan peralatan senaman serta permainan kanak-kanak berintegrasi, penanaman pokok-pokok teduhan dan pengindahan ‘softscape’ taman.

Dalam pada itu, Ramkarpal dalam ucapannya memuji kesungguhan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan ADUN kawasan (R.S.N. Rayer) terhadap kesungguhan pihak-pihak berkaitan membawa pelbagai perubahan positif kepada penduduk setempat.

“Banyak perubahan dapat dilihat.

“Kita akan lakukan lebih banyak penambahbaikan ke arah meningkatkan kualiti hidup dan kebajikan masyarakat pada masa akan datang,” ujar beliau.



WARGA-warga emas beriadah menggunakan peralatan-peralatan baru.



R.S.N. Rayer (kiri sekali) menyempurnakan proses penanaman pokok sambil diperhatikan Chow Kon Yeow (depan, tengah) dan Ramkarpal Singh (depan, tiga dari kiri) sebagai simbolik Majlis Perasmian Taman Kejiranan Island Glades di sini baru-baru ini.

TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 8631 AINIL HANA BT MOHAMAD - 80070707**** D/A MOHD SALWADI MAZLAN, SENANDUNG MASHYUR SDN BHD, LADANG JEMORENG 1, C/O POST OFFICE DARO, 96200 DARO, SARAWAK	No Akaun Peminjam	: 8802 CHUA SWEE GUAN - 81112007**** 7 LINTANG KOTA PERMAI 3, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 8828 ANANDI A/P KANAN - 79042908**** NO. 91 LORONG KS 4/2, KULIM SQUARE 09600 LUNAS, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 8829 CHAN CHOONG LEONG - 76031414**** 76-12-02 SRI WANGSA 2, JALAN PENAWAR 1, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1	: MOHD ZAKI BIN OTHMAN - 54062207**** 4 LORONG MURNI 5 , TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: CHUA CHOOON KIAT - 44113002**** 7 LINTANG KOTA PERMAI 3, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: KANAN A/L MUNIANDY - RF/47*** 2 TINGKAT MERBUK, TAMAN SRI NIBONG 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: CHAN CHOONG PING - 75033114**** M1-02-07 SUBANG PERDANA COURT 7, PERSIARAN MULIA USJ 14, 47610 SUBANG JAYA, SELANGOR
Penjamin 2	: MOHD SAIFUDDIN BIN MOHD SALLEH - 54112302**** 1006 MK 8, PERMATANG RAWA 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 2	: CHEAM KEE CHU - 57071107**** 7 LINTANG KOTA PERMAI 3, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: NADARAJAH A/L MUNUSAMY - 48081207**** 2382 KALEDONIA ESTATE, JALAN SUNG AI DAUN 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	: CHAN HONG CHIN - 52053002*** 76-12-02 SRI WANGSA, JALAN PENAWAR SATU 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 8837 GOH JOO HOW - 79121807**** 8 LORONG KETITIR 2B, TAMAN KETITIR 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	No Akaun Peminjam	: 8842 LAW KHER YEE - 79102607**** 12 LORONG INDAH 3/1, TAMAN BUKIT INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 8905 ONG HOOI PENG - 81031807**** 10 LORONG PERMATANG TINGGI INDAH 8, TMN PERMATANG TINGGI INDAH, 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 8914 ONG SOON HONG - 79040507**** NO.128-E BATU FERINGghi 11100 PULAU PINANG
Penjamin 1	: BONG AH CHUI - 70031002**** NO. 890 LOT 10, JALAN BUKIT BESAR 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: LAO CHOR HOON - 58072907**** 78 LEBUH BINJAI 2, TAMAN SRI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: ONG CHIN TIANG - 50040207**** 1096 JALAN BESAR MACHANG BUBOK 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: ONG KENG SEONG - 48061407**** 2-13-6 TAMAN JUBILEE 4, LENGKOK NIPAH 3, SUNGAI DUA 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2	: TAN HONG SOON - 79010507**** NO.1853 PADANG LALLANG 14120 SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN	Penjamin 2	: TAN SAW HOOI - 51050107**** 53 JALAN CEMPEDAK, TAMAN MUTIARA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: KOO KIM LENG @ KHOR KIM LENG – 47050107**** (MENINGGAL DUNIA) 3 LORONG MACHANG BUBOK 11, TAMAN MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: LEE SWEE BEE - 50040407**** 5-14-4 LEBUH RELAU 4, DESA CLARISSA, RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 8922 NOOR KHUZAINI BT CHE ME - 80122807**** NO. 20 KAMPUNG HILIR, BUKIT SAPI, LENGGONG 33400 PERAK	No Akaun Peminjam	: 8954 SEW YIN YIN - 81110807**** 3C-21-02 N-PARK CONDOMINIUM, JALAN BATU UBAN 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 8996 SITI MAZNAH BT ABDUL MALIK - 81010107**** 156 JALAN PERMAI 3, TAMAN DESA PERMAI, 09600 LUNAS, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 9020 WONG CHOON YIK - 82121207**** 21 LINTANG DELIMA 14, ISLAND GLADES 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1	: CHE ME BIN BAKAR - 48081802**** NO. 20 KAMPUNG HILIR, BUKIT SAPI, LENGGONG, 33400 PERAK	Penjamin 1	: SEW SIEW HONG - 68033007**** 2B-2-8 REGENCY HEIGHTS CONDO. CANGKAT KENARI, SUNGAI ARA, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ABDUL MALIK BIN ISMAIL - 50120407**** 156 JALAN PERMAI 3, TAMAN DESA PERMAI 09600 LUNAS, KEDAH	Penjamin 1	: KHOO KAY CHEANG - 61030507**** 28-2 JALAN LOGAN, 10400 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2	: MOHD MUZLI BIN MOHD AMIN - 56091207**** 40 PERSIARAN SEKSYEN 6/28, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: ONG HOOI EONG - 78021607**** 15 LORONG MERANTI 11, TAMAN MERANTI, SUNGAI PUYU 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: MAZLINDA BT ABDUL MALIK - 77041407**** 156 JALAN PERMAI 3, TAMAN DESA PERMAI 09600 LUNAS, KEDAH	Penjamin 2	: LIEW SIEW MOI - 77020908**** NO. 21 LINTANG DELIMA 14, ISLAND GLADES, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 9031 FRANCIS RAJ A/L NADARAJEE - 81020207**** 2-15 PANGSAPURI TELAGA EMAS, OFF JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: MOHAMED IBRAHIM BIN SHEIKH MAIDIN - 57032871**** BLOK B-1-0106, PANGSA SRIBAGAN, BAGAN DALAM 12100 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: NORHASLINA BINTI JAMALUDIN - 80030807**** 314 LORONG 5/4 , TAMAN SRI WANG 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 9020 WONG CHOON YIK - 82121207**** 21 LINTANG DELIMA 14, ISLAND GLADES 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2	: NADARAJEE A/L KUPPUSAMY - 59060302**** NO. 85 TAMAN SADERI, 09600 LUNAS, KEDAH	Penjamin 2		Penjamin 1	: NORHANITA BINTI JAMALUDIN - 77110407**** MOHD YASIN BIN YUSOP - A2709***	Penjamin 2	: NORASIKHIN BT HAMID - 650702079*** 10696 GUAR KEPAH 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

Exco Perumahan syor bank longgar syarat pinjaman

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

PANTAI JEREJAK – Pembinaan rumah mampu milik yang dikatakan tidak mencukupi untuk menampung permintaan penduduk di negeri ini merupakan salah satu isu malar segar berbangkit dalam Sidang Kemuncak Hartanah Antarabangsa Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo bagaimanapun berkata, pihak bank sewajarnya mencari jalan untuk melonggarkan syarat pinjaman demi membolehkan lebih ramai layak membeli rumah mampu milik di negeri ini.

“Daripada REHDA (Pertubuhan Pemaju Hartanah & Perumahan Malaysia), kadar penolakan sehingga 70 peratus.

“Itu bermakna, 10 orang yang pergi kepada bank untuk mendapatkan pinjaman bagi membeli rumah kos rendah atau kos sederhana rendah atau rumah mampu milik, tujuh ditolak.

“Kerajaan Negeri dan REHDA khuatir dengan perkembangan ini kerana ia akan menghalang tujuan dan niat kita membina rumah supaya sampai kepada tangan mereka yang perlu,” ujarnya kepada wartawan baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon

Yeow, Datuk Jerry Chan (Pengerusi REHDA Pulau Pinang), Ong Ban Seang (Pengarah Sidang Kemuncak Hartanah Antarabangsa Pulau Pinang), Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC) dan Dato’ Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) turut menyertai sidang media itu.

Tambah Jagdeep, syor Bank Negara Malaysia (BNM) melonggarkan syarat pinjaman bukan sahaja menguntungkan rakyat, bahkan institusi perbankan sendiri.

“Apabila saya membeli rumah (kos rendah) berharga RM42,000 umpamanya, bank pun tahu bahawa harga rumah itu akan meningkat hampir RM100,000 kelak.

“Dari segi keselamatan, harga rumah ini akan meningkat...mengapa bank tidak mahu membantu Kerajaan Negeri,” soal Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Dalam pada itu, Jerry pada sidang media sama turut mengaku bahawa pemaju sukar menjual rumah mampu milik berharga RM200,000, RM300,000 dan RM400,000 disebabkan permohonan pinjaman perumahan sukar diluluskan oleh bank.

Sebelum itu, Kon Yeow mewakili Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merasmikan persidangan dan ekspo hartanah selama dua hari itu.



(Dari kiri), ONG Ban Seang, Maimunah Mohd. Sharif, Rosli Jaafar, Jagdeep Singh Deo dan Chow Kon Yeow meneliti modul salah satu projek perumahan yang dipamerkan di Sidang Kemuncak Hartanah Antarabangsa Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

my
Penang
2015
where the festivities never end

Fabulous February Fiesta

PENANG HOT AIR
BALLOON FIESTA 2015

21 & 22 FEBRUARY • PENANG POLO GROUND

For more info visit mypenang.gov.my/hab #mypenanghotairballoon

Penang Global Tourism (State Tourism Board)

E: info@penangglobaltourism.com T: +604 264 3456 F: Penang Global Tourism | mypenangpgt



Sayangi alam sekitar bermula pada umur yang muda

SATU Kem Hijau Muda telah diadakan pada 18 Disember 2014 (Khamis) khas untuk mendidik kanak-kanak yang berumur 5-6 tahun tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar. Kem ini merupakan anjuran bersama Penang Green Council (PGC) dan Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM) serta Badan Jaringan Industri dan Masyarakat

(BJIM), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Seramai 40 kanak-kanak dari Melody Kindyland Sg. Ara yang diteman oleh 6 orang guru tadika telah menghadiri kem ini yang mengambil tempat di INFORMM, USM.

Sepertimana Kem Hijau yang lain, Kem Hijau Muda ini telah dirancang

supaya kanak-kanak dapat bermain sambil belajar. Topik utama yang diliputi termasuk pengasingan sampah dari sumber, konsep 3R, kompos dan penjimatan sumber air dan tenaga. Pendedahan yang diberikan kepada kanak-kanak penting kerana tabiat baik seperti kitar semula dan pengurangan



SESI pembelajaran menghargai nilai persekitaran melalui projek penanaman.



GAMBAR peserta-peserta cilik bersama-sama para sukarelawan pada Kem Hijau Muda.

pembaziran harus dipupuk dari umur yang muda. Selain daripada itu, diharapkan juga para peserta berupaya untuk membawa mesej yang dipelajari kepada ibu bapa dan seterusnya membantu memulakan amalan hidup hijau di rumah.

Program ini turut memberi peluang

kepada ahli akademik dan bukan akademik dari pihak INFORMM, USM turun padang untuk berkhidmat kepada komuniti dan masyarakat. Mereka turut didedahkan kepada kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan pendidikan konservasi kepada generasi muda pada umur yang kecil.



PARA peserta menunjukkan pokok-pokok yang ditanam.



PENGHASILAN kraf menggunakan bahan-bahan kitar semula.

ZAKAT PULAU PINANG

Kadar Zakat 2.5%

ZAKAT PULAU PINANG

No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam. Tel: 04-549 8088 Faks: 04-530 6466

Zakat Ditunai Asnaf Terbelia

CFALT promosi keindahan Seberang Perai

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

JURU – Seramai 1,907 pengayuh berjaya menamatkan acara berbasikal *Care For A Lane Tristate* (CFALT) merentasi tiga negeri yang julung kali diadakan di Seberang Perai dengan kerjasama Ideal Property CFAL Tristate, Kelab Basikal LP dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng hadir menyempurnakan upacara pelepasan peserta seawal jam 6.20 pagi membabitkan laluan sejauh 128 kilometer merentasi negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perak.

Hadir sama, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Sr. Rozali Mohamud

(Setiausaha Perbandaran MPSP), Datuk Dr. Lim Seh Guan (Presiden G Club Cyclist), Lim Chee Loon (Pengerusi Jawatankuasa Pengajur CFALT dan Datuk Alex Ooi (Ketua Pegawai Eksekutif Ideal Property).

Menurut Maimunah, objektif pengajuran acara tersebut adalah untuk mempromosikan keindahan dan keunikan Seberang Perai selain menjalankan aktiviti sihat bersama masyarakat.

“Peserta akan melalui laluan yang menarik dengan permandangan cantik di sekitar Seberang Perai.

“Justeru, acara ini adalah amat sesuai untuk mempromosikan kawasan Seberang Perai sebagai destinasi pelancongan di masa akan datang,” katanya pada Majlis Pelepasan



SEBAHAGIAN peserta menunggu di garisan permulaan pada Upacara Perlepasan Peserta CFALT merentasi tiga negeri di sini baru-baru ini.

Peserta CFALT di sini baru-baru ini.

Tambah Maimunah, MPSP amat komited dengan komitmen Kerajaan Negeri mempromosikan kehidupan yang sihat untuk warga Seberang Perai terutamanya aktiviti berbasikal.

“Sebagai tanda menyokong usaha ini, MPSP telah membuat tanda laluan berbasikal untuk kemudahan masyarakat beriadah di seluruh daerah di sini.

“Di sini, saya ingin meneru kepada semua

penduduk agar dapat menggunakan kemudahan laluan berbasikal dengan sebaik mungkin bagi meneruskan program ini di masa hadapan,” ujar beliau.

Sehingga kini, Maimunah memberitahu, MPSP telah membelanjakan sebanyak RM35,600 untuk memasang 89 tiang papan tanda laluan berbasikal masing-masing di Seberang Perai Utara (SPU) sebanyak 33 tiang, Seberang Perai Tengah (36) dan Seberang Perai Selatan (20).

NGO urus rumah perlindungan wajar terima lebih dana Putrajaya – Zairil

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

TANJUNG BUNGAH – Badan bukan kerajaan (NGO) menguruskan rumah perlindungan kanak-kanak, anak yatim serta orang kurang upaya (OKU) di negara ini sewajarnya mendapat dana sokongan yang lebih secara langsung daripada Putrajaya, sebagaimana di negara-negara maju lain.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari berkata demikian pada Majlis Penyampaian Seragam Dan Kelengkapan Persekolahan Sesi Tahun 2015 kepada 19 anak yatim terpilih yang mendiami *Shan Children's Home* di sini baru-baru ini.

“Salah satu cabaran di Malaysia adalah sesetengah NGO yang tampil melaksanakan program amal tidak mendapat sokongan menggalakkan daripada Kerajaan Pusat terutama berkaitan kebijakan (anak-anak yatim) sendiri.

“Masalahnya, ada yang mahir dan ada yang tidak mahir apabila Kerajaan Pusat cuba membangunkan pusat perkembangan seumpama ini (rumah perlindungan anak yatim).

“Justeru, saya mencadangkan Kerajaan Pusat menyalurkan peruntukan yang lebih kepada sektor swasta seperti NGO amal dikenalpasti mahir dalam membangunkan rumah perlindungan sebagai sebuah institusi perkembangan

bakat kanak-kanak sebenar, dengan syarat ada pemantauan tadbir urus dana daripada Kerajaan Pusat sendiri,” ujarnya pada majlis tersebut.

Dalam perkembangan sama, Zairil turut mempertikai kewajaran Kerajaan Pusat memberi peruntukan “luar biasa” berjumlah RM711 juta untuk Projek Permata Negara (Permata) yang dinaungi isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, sebagaimana diumumkan dalam Bajet 2015 pada bulan Oktober lepas.

Pada majlis tersebut, Zairil turut menyumbang sebuah mesin basuh 10 kilogram jenama Samsung kepada rumah anak yatim tersebut demi memudahkan mereka menguruskan keperluan hidup masing-masing.

Difahamkan, pemberian barang kelengkapan sekolah kepada lapan murid sekolah rendah dan 11 murid sekolah menengah terpilih daripada rumah perlindungan berkenaan menelan belanja RM1,310 menggunakan peruntukan Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Bukit Bendera.

Sebelum itu, Pengasas merangkap Pengerusi *Penang Shan Children's Home Association*, Dr. S. Balakrishnan berkata, pihaknya gigih berusaha menjadikan rumah perlindungan tersebut sebagai pusat perkembangan bakat kanak-kanak diiktiraf Kerajaan Pusat serta Kerajaan Negeri.

“Kami sangat mengalu-alukan bantuan berupa makanan bermutu serta sokongan dana kerana rumah perlindungan di sini sepatutnya lebih berperanan sebagai pusat perkembangan bakat untuk mereka yang terpilih mendiami di sini,” jelas Balakrishnan sambil mengalu-alukan sokongan dana daripada pihak berwajib.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Lee Chun Kit dan Syerleena Abdul Rashid turut menyertai majlis sumbangan amal berkenaan.

ZAIRIL Khir Johari (barisan belakang, tiga dari kiri) diiringi Lee Chun Kit (barisan belakang, empat dari kiri) bergambar kenang-kenangan dengan warga *Shan Children's Home* selepas selesai majlis penyampaian sumbangan di sini baru-baru ini.



MP harap Triathlon Bukit Bendera jadi acara tahunan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar: **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN –

Seramai 250 peminat tegar sukan lasak diuji apabila masing-masing perlu melepas pelbagai halangan pada acara lasak, *Trail in Twilight Stars; Let's Rock The Trails*.



AKSI salah seorang peserta ketika memulakan cabaran *Trail in Twilight Stars; Let's Rock The Trails* di sini baru-baru ini.

Selain itu, Zairil turut berharap agar acara tersebut dapat dijadikan acara tahunan di Bukit Bendera dalam usaha mempromosikan pusat pelancongan tersebut sebagai sebahagian lokasi aktiviti sukan lasak di Pulau Pinang.

“Jika kita lihat, bukan sahaja peserta dari Pulau Pinang mengambil bahagian, malah, saya difahamkan ada dalam kalangan peserta yang datang dari Singapura, Johor, Kuala Lumpur dan Kedah,” tambah beliau.

Bagi Pengerusi Pengajur, Karen Geh memberitahu, pihaknya tidak menjangkakan lebih 250 peserta menyertai acara lasak 12 jam bermula jam 6 petang hingga 6 pagi keesokan harinya.

“Hanya mereka yang memiliki hati kental dan semangat kuat mampu menghabiskan 70 kilometer acara merentasi Bukit Bendera ini,” katanya yang turut serta mengambil bahagian.

Acara *Trail in Twilight Stars; Let's Rock The Trails* terbahagi kepada empat Kategori iaitu Lelaki Terbuka dan Wanita Terbuka bagi mereka berusia 18 tahun dan ke atas; Kategori Veteran, 40 tahun dan ke atas, lelaki dan wanita.

Oleh: YAP LEE YING
Gambar : IDZHAM AHMAD

YAKIN dengan potensi khasiat rumpai laut kepada kesihatan sangat, lima sahabat bertekad menghasilkan suatu produk baru yang masih tiada di dalam pasaran.

"Tidak mudah", jawapan ringkas diluahkan Ketua Pegawai Eksekutif Warqah Food Industries Sdn. Bhd., Khairul Azman Hasran yang merupakan satu-satunya syarikat pengeluar mee rumpai laut (*seaweed noodle*) dalam negara kini.

Prinsip Khairul Azman, 36, adalah untuk membuat makanan bagi orang hidup, justeru kandungan sesuatu produk keluaran beliau yang berasal dari Paya Dalam, Melaka Tengah, Melaka perlulah berkhasiat dan memenuhi keperluan nutrien badan.

Menurut beliau, produk keluarannya adalah terbukti tiada bahan pengawet (asid borik) dan pewarna tiruan, malah merupakan produk makanan harian yang memiliki nilai khasiat kesihatan dengan rumusan istimewa estrak rumpai laut (FSE).

"Yang 'mengunikkannya' lagi adalah, produk mee ini telah menjalani proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam pembuatannya dalam tempoh dua tahun.

"Selain itu, ia juga diproses dengan kaedah terbaik tanpa menggunakan sebarang pemberi makanan merbahaya dan penggunaan kapur (natrium karbonat)," jelasnya memulakan sesi wawancara bersama-sama Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara di premisnya baru-baru ini.

Penulis yang sentiasa berminat dalam aspek penjagaan makanan serta kesihatan amat tertarik dengan intipati FSE sebagaimana yang terkandung di dalam produk mee keluaran Khairul Azman.

Jelasnya, FSE mampu



KHAIRUL Azman Hasran.

Seaweed noodle produk kecantikan (kosmetik)



membekalkan zat besi, kalsium, serat dan Omega 3 & 6 bagi menjadikan hidangan sesuatu produk berkhasiat memenuhi keperluan seharian badan.

"*Seaweed noodle* merupakan mee yang memberi *supplement* kepada badan. Produk ini bagus sangat dan bekalan rumpai laut adalah yang terbaik diperoleh di pasaran dalam negara.

"Saya dapat berikan jaminan bahawa produk ini selamat dimakan wanita dalam pantang, mereka yang ingin turunkan berat badan dan yang inginkan kulit cantik.

"Testimoninya adalah saya, isteri dan pekerja saya sendiri. Selepas bersalin tiga hari, isteri saya yang menjalani pembedahan ketika bersalin mengamalkan amalan pemakanan *seaweed noodle*. Beliau (isteri) bukan sahaja tidak mengalami sembelit, jahitan pembedahannya cepat sembuh dan *maintain* berat badan.

"Dalam tempoh isteri saya berpantang, saya juga 'terpaksa' makan apa yang dimakannya. Dari 75 kilogram (kg), berat



PRONDUK
seaweed noodle
keluaran Warqah
Food Industries
Sdn. Bhd.

PELBAGAI rupa bentuk rumpai laut (*Gambar: Sumber Internet*).

badan saya turun kepada 63kg hanya dalam tempoh sebulan sahaja.

"Malah, pekerja saya, orang sentiasa ingat dia kerja di salon kecantikan ekoran kulitnya yang licin dan cantik hasil amalan pemakanan mee rumpai laut ini," ujar Khairul Azman yang turut menekankan bahawa mee terbabit juga sesuai dimakan kanak-kanak berusia setahun dan baik untuk sendi.

Bercerita mengenai pembabitan awal pada Januari 2011, Khairul Azman dan empat rakannya tidak pernah turun ke dapur sebelum ini.

"Bagi betul-betul memahiri teknik membuat *seaweed noodle*, kami menghabiskan tempoh masa kira-kira enam bulan.

"Sepanjang tempoh itu, kami bermula sewal 8 pagi dan hanya siap pada 2 pagi setiap hari.

"Banyak yang silap, mesin yang dibeli tidak sesuai yang mana terpaksa dijual kembali kepada konsultan dilantik;

mee kesihatan, & nutrisi



PARA kakitangan dalam proses menghasilkan mee rumpai laut.



penggunaan minyak yang tidak sesuai; suhu tidak sekata sehingga menyebabkan mee separuh masak dan hangit dan macam-macam lagi.

“Apabila betul-betul berjaya (menghasilkan mee), kami baru jual. Jual pun dengan harga yang amat murah iaitu RM2.50 untuk setiap pek seberat 250 gram yang turut terkandung khasiat kolagen,” ujar beliau.

Memiliki latar belakang sebagai pegawai penyelidik di salah sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sebelum ini, Khairul Azman amat menekankan R&D berhubung penghasilan serta pengeluaran produknya.

“Saya percaya R&D dapat

maju dan *up-gradekan* sesuatu produk. Malah, sekiranya ingin hasilkan produk yang baik, R&D adalah diperlukan.

“Semua yang dinyatakan berhubung kandungan nutrisi *seaweed noodle* saya adalah disahkan oleh konsultan yang menjalankan R&D terhadap produk keluaran ini. Saya memiliki dan mengupah syarikat konsultan sendiri bagi tujuan ini.

“Bagi agensi yang tidak mempunyai konsultant, mereka memang syok sendiri apabila memberikan pujian kepada produk keluaran masing-masing,” nyata beliau sambil menjelaskan bahawa terdapat sedikit peningkatan harga jualan produk

berkualitinya kini, namun, ia (harga) masih tidak setanding dengan nutrisi terkandung.

Berasaskan kualiti khasiat ia, Khairul Azman tidak menafikan bahawa produknya sukar memperoleh segmen di pasaran tempatan. Selain harga *seaweed noodle* yang sedikit tinggi berbanding produk-produk mee lain, kandungan nutrisi juga adalah sama sekali berlainan.

Justeru, fokus pemasaran beliau kini adalah lebih di Lembah Klang. Malah, hasil daripada strategi pemasaran yang kreatif melalui pembabitan pameran-pameran berkaitan termasuk anjuran Kerajaan Negeri, *seaweed noodle* kini memperoleh permintaan dari Indonesia, Myanmar dan juga China.

Bagi memenuhi pertambahan permintaan tersebut, perancangan terdekat Khairul Azman adalah menambah bilangan kakitangan kini.

“Dengan bilangan kakitangan kini (kira-kira empat hingga lima pekerja), ia mampu memenuhi permintaan purata 250 katon sebulan (satu katon, 20 pek; satu pek, 250 gram mee). Ia adalah tidak mencukupi dibandingkan dengan jumlah permintaan yang kini telah mencecah lebih 500 katon sebulan hanya di Lembah



RUPA bentuk mee sebelum digoreng.



SELEPAS digoreng.

Klang,” jelas beliau.

Bagi perancangan masa depan, Khairul Azman menyatakan bahawa pihaknya ingin menghasilkan produk mee segera iaitu hanya menggunakan air panas untuk memasak ia. Apa yang pasti, kualiti nutrisi adalah dikenalkan.

“Kami juga berharap *seaweed noodle* dapat menjadi produk pilihan utama rakyat Malaysia.

“Pada masa sama, juga perluaskan pemasarannya ke Eropah dan Amerika Syarikat kerana mee seumpama ini adalah yang pertama di dunia,” dakwa beliau.

Tambah Khairul Azman yang turut ditemani salah seorang rakan kongsinya, Yahya Majad, 52, untuk sampai ke tahap kini, sebagai orang Islam, doa adalah paling utama.

“Kami percaya semua adalah datang dari Allah dan semua yang

baik perlu dikongsi bersama. Selain itu, tuah badan juga adalah penting.

“Walaupun pelbagai cabaran telah dilalui dan bakal dihadapi, kami, Warqah Food (Industries Sdn. Bhd.) akan terus menghasilkan produk mee untuk kesihatan, kecantikan (kosmetik) dan nutrisi,” ujarnya sambil menyatakan bahawa tag line produk *seaweed noodle* adalah *Tasty, Wise Choice & Healthy*.

INFO :
WA R Q A H F O O D
INDUSTRIES SDN. BHD.
No. 1152A, Taman Widuri,
Jalan Teluk Kumbar,
11920 Bayan Lepas, Pulau
Pinang.
Tel. : 04 - 649 1075
Laman web :
www.warqahfood.com
FB : Seaweed Noodles

Sedia khidmat & kemudahan awam taraf antarabangsa tingkat kualiti hidup rakyat - KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

PADANG KOTA-

Kerajaan Negeri berhasrat menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan awam bertaraf antarabangsa bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat Pulau Pinang antaranya melalui program hijau dan taman.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Pelepasan

Peserta Program City Walk 2015 di sini baru-baru ini.

“Bagi rekor 2014, MPPP berjaya menyediakan enam taman kejiranan dan taman poket (4) untuk kemudahan riadah dengan dilengkapi alat senaman luar serta permainan kanak-kanak.

“Antara taman-taman kejiranan terlibat adalah Taman Kejiranan Batu Uban, Taman Kejiranan Sungai Ara Mk 12 Bayan Lepas, Taman



AKSI para peserta pada penganjuran City Walk di sini baru-baru ini.

Kejiranan Lorong Nipah 3 Bayan Lepas, Taman Kejiranan Lintang Pantai Jerejak Sungai Nibong, Taman Kejiranan Taman Pekaka dan Taman Kejiranan Iping Batu Maung.

“Taman poket pula adalah meliputi Taman Jajar Sungai Nibong Kechil, Taman Bukit Gedong, Taman Bayan Indah 3 dan Taman Jalan Choi Balik Pulau bagi membolehkan penduduk sekitar bersenam serta beriadah,” jelasnya.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Abdul Malik Abul Cassim, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Yang di-Pertua MPPP, Dato’ Patahiyah Ismail.

City Walk 2015 (City Walk)

merupakan program yang memerlukan para peserta berjalan kaki sejauh 5 kilometer (km) mengelilingi lokasi warisan George Town.

Mengulas lanjut berhubung penganjuran City Walk, Guan Eng menyatakan bahawa penyertaan tahun ini (2015) telah memecah rekod dua tahun (panjanjuran) sebelum ini.

“Ketika penganjuran pertama

City Walk dua tahun lalu, ia hanya memperoleh 4,000 penyertaan.

“Pada tahun lepas, jumlah penyertaan meningkat kepada 7,000 peserta dan tahun ini (2015), 10,000 orang.

“Sambutan meriah ini adalah selari dengan usaha Kerajaan Negeri untuk memperbanyakkan program berteraskan Pulau Pinang yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat,” ucap beliau.

MPPP lancar SPPB secara atas talian

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MARK JAMES**

GEORGE TOWN – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini melancarkan Sistem Pengurusan Pelan Bangunan (SPPB) atas talian bagi memudahkan ‘Orang Utama Yang Mengemukakan’ atau *Principal Submitting Person* (PSP) mengemukakan pelan bangunan secara elektronik.

Yang di-Pertua MPPP, Dato’ Patahiyah Ismail ketika ditemui berkata, sistem tersebut direka bagi tujuan pemantauan dan pengurusan pelan bangunan supaya ia dapat dibuat secara lebih teratur serta efisien selain memastikan proses yang dijalankan adalah lancar dan sistematik.

“Sistem SPPB ini hakikatnya memudahkan proses permohonan pelan bangunan bagi sesuatu projek yang ingin atau sedang dijalankan.

“Di samping ia (sistem) akan meningkatkan ketelusan dalam proses permohonan tersebut.

“Saya percaya melalui aplikasi mudah ini, PSP, pemain industri dan pihak Majlis sendiri dapat berinteraksi antara satu sama lain dalam meningkatkan produktiviti sama ada dari segi

pendapatan mahupun masa,” katanya pada Majlis Pelancaran SPPB di sini baru-baru ini.

SPPB secara atas talian direka oleh syarikat Mesiniaga Berhad dan kini sedang menjalani tempoh percubaan selama setahun sehingga Julai 2015 sebelum digunakan secara total selepas tempoh berkenaan.

Bagi Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, sebelum ini pihaknya dan MPPP ada menerima aduan daripada pemain industri tentang tempoh memproses sesuatu permohonan pelan bangunan.

“Sebelum ini, wujud kekangan untuk memantau proses permohonan pelan bangunan sama ada untuk mengetahui status permohonan mahupun kelulusan pelan bangunan.

“MPPP juga tidak dapat mengumpul statistik pembangunan dan menyampaikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

“Namun, dengan adanya sistem ini, ia dapat mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh PSP dan pemain industri, iaitu sama ada isu tempoh masa kelulusan permohonan, ketelusan serta mobiliti,” katanya pada sidang media selepas majlis perasmian berkaitan.



CHOW Kon Yeow (duduk) mencuba aplikasi atas talian SPPB sambil diperhatikan Patahiyah Ismail (bertudung kuning), Ir. Ang Aing Thye (kanan sekali) dan Ar. Yew Tung Seang (kiri sekali) pada majlis taklimat dan pelancarannya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye, Pengarah Bangunan MPPP, Ar. Yew Tung Seang serta wakil-wakil MPPP dan Mesiniaga Berhad.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai SPPB, sila layari laman sesawang MPPP, www.mppp.gov.my atau <http://sppb.mppp.gov.my>.



**MAJLIS PERBANDARAN
PULAU PINANG**

**PELAKSANAAN
KADAR PERATUSAN
BARU 2015**

PROJEK / PROGRAM YANG AKAN DILAKUKAN PADA TAHUN 2015

JADUAL 3

BIL	PROJEK / PROGRAM YANG AKAN DILAKUKAN	ANGGARAN KOS 2015
1	Pelaksanaan Jalan Berkembar Paya Terubong (Kos Keseluruhan : RM 150,000,000.00)	RM 45,000,000
2	Cadangan Pengambilan Tanah Bagi Tujuan Mendirikan Sebuah Kompleks Pasar Awam Teluk Kumbang	RM 20,804,000
3	Pengubahsuaian, Menaiktaraf Kompleks Makanan & Pasar :- a) Pengubahsuaian & Menaiktaraf Pasar Chowrasta b) Pengubahsuaian & Menaiktaraf Pasar Batu Lancang c) Pengubahsuaian & Menaiktaraf Pasar Taman Tun Sardon d) Pengubahsuaian & Menaiktaraf Pasar Lebuh Campbell	RM 11,928,181
4	Cadangan Membina Kompleks Pasar dan Penjaja Batu Ferringhi, Bandar Batu Ferringhi, Pulau Pinang	RM 9,073,594
5	Naiktaraf Stadium Bandaraya	RM 7,623,860
6	Menaiktaraf Taman :- a) Naiktaraf Taman Metropolitan Relau b) Menaiktaraf Taman Jajar Di Sungai Nibong Fasa 2	RM 3,000,000
7	Menaiktaraf Tanah Lapang :- a) Menaiktaraf Tanah Lapang Di Sungai Ara b) Menaiktaraf Tanah Lapang Jalan Choi Balik Pulau c) Menaiktaraf Tanah Lapang Batu Uban d) Menaiktaraf Tanah Lapang Persiaran Bayan Indah 3 e) Menaiktaraf Tanah Lapang Lorong Lorong Nipah 3 f) Menaiktaraf Tanah Lapang Taman Pekaka Fasa 2 g) Menaiktaraf Tanah Majlis Sebelah Surau Bukit Gedung	RM 1,870,000
8	Menaiktaraf Kompleks Makan Padang Brown, Jalan Dato' Keramat, Pulau Pinang	RM 800,000
9	Pembinaan Gelanggang Futsal :- a) Pembinaan Gelanggang Futsal DUN Pengkalan Kota b) Pembinaan Gelanggang Futsal Di Batu Lancang Fasa 2 c) Pembinaan Gelanggang Futsal Taman Sri Nibong	RM 600,000
10	Penghijauan Jalan Sungai Tiram, Bayan Lepas	RM 500,000
11	Pendawaian Semula Di Keseluruhan Pasar Teluk Bahang	RM 280,000
12	Naiktaraf Kompleks Sukan Balik Pulau	RM 160,460
13	Pembinaan Titi Di Tanah Lapang Farlim	RM 100,000
14	Pemasangan Lampu Hiasan Di Promenade Jelutong	RM 72,000
15	Pemasangan Alatan Senaman Luar Di Bukit jambul	RM 50,000
JUMLAH		RM101,862,095

1. TUJUAN PENGENAAN CUKAI TAKSIRAN

Cukai Taksiran dikenakan untuk:-

- Membiayai pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan orang awam seperti dewan orang ramai, perhentian bas, taman rekreasi, pasar, padang permainan, tandas awam.
- Penyelenggaraan dan pembinaan infrastruktur seperti jalan, parit, longkang, lampu jalan, lampu lalulintas.
- Pembersihan kawasan-kawasan awam, taman perumahan dan perniagaan /perusahaan/industri.
- Pembangunan dan pengindahan di kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

2. TUJUAN SEMAKAN KADAR PERATUSAN

Semakan kadar peratusan dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan MPPP tidak terjejas dari segi jangka panjang serta merealisasikan harapan dan kehendak penduduk Pulau Pinang agar mutu perkhidmatan kebersihan, infrastruktur dan lain-lain perkhidmatan dapat ditingkatkan ke tahap yang maksimum.

3. TARikh KUATKUASA KADAR PERATUSAN BARU

Kadar peratusan baru ini akan berkuatkuasa mulai pada **1 Januari 2015**.

4. NILAI TAHUNAN

Nilai tahunan sediaada dikekalkan.

5. PENGIRAAN CUKAI TAKSIRAN

MPPP menggunakan Nilai Tahunan sebagai asas taksiran kadar. Nilai Tahunan didefinisikan sebagai anggaran kasar sewa tahunan yang munasabah dijangka akan diperolehi jika disewakan.

Formula bagi pengiraan cukai taksiran adalah seperti **JADUAL 1** berikut:-

JADUAL 1

Katakan sewa seunit flat kos rendah @ RM200.00 sebulan

CUKAI TAKSIRAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2014

- Nilai Tahunan = RM 200 X 12 bulan = RM 2,400.00
- Kadar (%) = 7.00 % setahun
- Cukai Taksiran = (RM 2,400 X 7.00%) setahun = **RM168.00 setahun**

CUKAI TAKSIRAN MULAI 1 JANUARI 2015

- Nilai Tahunan = RM 200 X 12 bulan = RM 2,400.00
- Kadar (%) = 7.00 % + **0.50%** setahun
- Cukai Taksiran = (RM 2,400 X 7.50%) setahun = **RM180.00 setahun**

6. HAD KADAR PERATUSAN YANG DIBENARKAN

Seksyen 130(2), Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah memperuntukkan sesuatu kadar yang ditaksir atas nilai tahunan tidak boleh melebihi 35%. Walau bagaimanapun, kadar peratusan yang dikenakan oleh MPPP adalah lebih rendah daripada yang dibenarkan oleh Akta. Kadar peratusan MPPP sediada/ semasa dan kadar baru 2015 adalah seperti **JADUAL 2** berikut:-

BIL	JENIS HARTANAH	KADAR SEDIAADA / SEMASA	KADAR BARU 2015
1	Kediaman Bertanah	8.30%	9.30%
2	Rumah pangsa Kos Rendah/ Sederhana Rendah	7.00%	7.50%
3	Pangsapuri/Kondominium	7.50%	8.50%
4	Perdagangan	10.30%	11.55%
5	Industri	13.50%	14.75%
6	Hotel	13.50%	14.75%
7	Persatuan/Kongsi	7.00%	7.00%
8	Tanah Kemajuan Kawasan Bandar	4.50%	5.50%
9	Tanah Kemajuan Kawasan Luar Bandar	1.70%	2.70%
10	Tanah Pertanian	1.00%	1.00%
11	Kelab Golf/Kelab Lumba Kuda	10.30%	14.75%

JADUAL 3 menunjukkan komitmen dan perancangan MPPP dalam tahun 2015 untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada warga di Pulau Pinang. MPPP sangat komited ke arah transformasi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat di Pulau Pinang.

Salah satu fokus utama adalah terhadap pelaksanaan projek-projek/ program-program untuk meningkatkan kemudahan dan keselesaan kepada rakyat selaras dengan tema **PULAU PINANG SELAMAT, BERSIH, HIJAU DAN SIHAT**.



Pasar Chowrasta



Pasar Batu Lancang



Pasar Taman Tun Sardon



Stadium Bandaraya



Kompleks Medan Selera Padang Brown



Pasar Lebuh Campbell

MAKLUMAT KEPADA PEMBAYAR CUKAI

Pelaksanaan kadar peratusan baru tahun 2015 akan dilaksanakan di kedua-dua PBT (MPPP & MPSP) di Pulau Pinang.

Bagi memudahkan pemilik - pemilik pegangan untuk mendapatkan penjelasan mengenai kadar peratusan baru ini, MPPP akan membuka kaunter khas seperti berikut :

**JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG
PARAS 12, KOMTAR
10675 PULAU PINANG.**

No. telefon : 04-2592266
Faks : 04-2633763
Emel : epenilaian@mppp.gov.my
Laman web : <http://www.mppp.gov.my>

PROGRAM IBU EMAS - RM100 / SETAHUN



Pelajar terpilih Kg. Melayu terima bantuan persekolahan

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : SHUM JIAN WEI

AIR ITAM – Seramai 120 pelajar Kampung Melayu di sini dipilih menerima bantuan persekolahan hasil sumbangan bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai dan Zakat Pulau Pinang (ZPP) sempena Program Kembali Ke Sekolah baru-baru ini.

Hon Wai dalam ucapannya berkata, sumbangan dilaksanakan saban tahun itu diharap dapat

mengurangkan beban ibu bapa dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak.

“Bantuan ini adalah untuk mengurangkan beban ibu bapa.

“Tambahan pula, tahun ini (2015) pelaksanaan GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan) yang bakal dilaksanakan akan menambah beban buat semua.

“Sedikit-sebanyak, bantuan pakaian dan beg sekolah yang disumbangan ini dapat meringankan belanja persekolahan para ibu bapa,” ujarnya ringkas sebelum

menyempurnakan majlis sumbangan berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan beberapa anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Melayu.

Serentak itu, turut dimaklumkan Hon Wai adalah kira-kira 450 pakaian persekolahan telah diagihkan sebelum itu membabitkan beberapa siri program sepanjang cuti persekolahan lalu di keseluruhan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam.



WONG Hon Wai (duduk, kanan sekali) dan Ramkarpal Singh (duduk, kiri sekali) membantu beberapa pelajar mencuba pakaian persekolahan yang diterima pada Program Kembali Ke Sekolah di sini baru-baru ini.

Gunting rambut percuma kurang beban ibu bapa

Gambar : MOHD. TUAH ISMAIL

PULAU BETONG – Kira-kira 60 murid sekolah rendah sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong mengambil bahagian dalam pengajuran Program Gunting Rambut Percuma di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras KADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, program selama empat jam itu dijayakan dengan kerjasama tiga tukang gunting rambut.

“Program ini bertujuan memberi khidmat gunting rambut percuma kepada

murid-murid sekolah, terutamanya mereka yang datang dari keluarga kurang berkemampuan.

“Kita memahami beban yang dipikul oleh ibu bapa terutama menjelang sesi persekolahan.

“Kos menggunting rambut sahaja mencecah RM5 hingga RM8, jadi dengan program seumpama ini, diharapkan dapat menampung sedikit-sebanyak kos persediaan persekolahan ibubapa yang mempunyai ramai anak,” katanya ketika ditemui pada Program Gunting Rambut Percuma di sini baru-baru ini.

Nada sama turut dikongsikan dua sahabat

Belia & wanita digesa rebut peluang tingkat kemahiran diri

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI
Gambar : SHUM JIAN WEI

TANJUNG BUNGA – Seramai 12 peserta termasuk ibu tunggal yang menyertai Kursus Solekan dan Dandanan Rambut (Lanjutan) berjaya memperoleh sijil pentaulahan pengajuran program berkenaan di sini baru-baru ini.

Penyelia kilang, Nor Sofina Sofian, 40, berkata, beliau amat teruja apabila dapat menyertai kursus tersebut.

“Ini merupakan pengalaman baru dan kini saya rasa lebih berani dan yakin kalau diminta untuk mekap (solek) orang lain,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Nada sama turut dikongsikan dua sahabat

Tan Hoon Chuan, 53 dan A. Sarogine Deevee, 38.

“Selain belajar teknik mekap dan dandanan, saya juga dapat kenal ramai peserta lain dan kami semua kini adalah ‘kawan-kawan’,” ujar Hoon Chuan.

Manakala Sarogine Deevee pula berhasrat untuk mempraktikkan pengetahuan diperoleh sebagai landasan bagi menjana pendapatan.

Kursus diadakan secara intensif selama empat hari itu ditaja sepenuhnya Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Emas serta pemilik syarikat persolekan dan dandanan, Na’ilah Enterprise, Azlyanna D. Cornelies.

Dalam pada itu, Yee Cheu ketika ditemui memberitahu, kursus diadakan adalah bagi membantu komuniti setempat khususnya ibu-ibu tunggal dan suri rumahtangga sepenuh masa memperoleh pendapatan sampingan di samping meningkatkan keyakinan dan ketrampilan.

“Pada masa hadapan, saya akan adakan lebih banyak kursus jangka pendek seperti ini untuk memberi ruang dan peluang

kepada komuniti setempat memperbaiki ekonomi keluarga.

“Oleh itu, saya ingin menggesa golongan belia dan wanita merebut peluang-peluang sebegini untuk meningkatkan kemahiran diri masing-masing,” seru Yee Cheu.



AZLYANNA D. Cornelies (kanan sekali) menunjukkan teknik solekan bahagian pipi kepada sebahagian peserta Kursus Solekan dan Dandanan Rambut (Lanjutan) di sini baru-baru ini.



(Dari kiri), NOR Sofina Sofian, Tan Hoon Chuan dan A. Sarogine Deevee berkongsi kegembiraan selepas menerima Sijil Pentaulahan Kursus Solekan dan Dandanan Rambut (Lanjutan).



MOHD. Tuah Ismail (kiri sekali) meninjau gelagat salah seorang pelajar yang mengambil bahagian dalam Program Gunting Rambut Percuma di sini baru-baru ini.

Penarafan kawasan riadah Taman Berjaya dimanfaat penduduk

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

JAWI – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyempurnakan majlis pecah tanah penarafan padang Taman Berjaya serentak dengan perasmian pembukaan gelanggang berbumbung bola keranjang dan sepak takraw di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee dalam ucapannya berkata, kos penarafan gelanggang berbumbung yang telah siap itu menelan belanja RM200,000 daripada peruntukan Ketua Menteri.

“Ini merupakan suatu sumbangan yang besar daripada Ketua Menteri, di mana ia memberi peluang kepada muda-mudi bermain bola keranjang dan sepak takraw dengan lebih selesa di sini,” ujar beliau pada majlis tersebut.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan



KEADAAN padang Taman Berjaya kini.

Utiliti, Lim Hock Seng dan Yang di-Pertua Majlis Perbadaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif turut hadir pada majlis berkenaan.

Hadir sama, perwakilan Persatuan Bola Keranjang Seberang Perai Selatan di sini.

Menurut Lip Chee, sebelum ini gelanggang berusia lebih lapan tahun itu turut tidak mempunyai kelengkapan yang sempurna.

“Maka, saya berharap dengan kelengkapan yang lebih sempurna kini dapat dimanfaat oleh penduduk yang begitu padat di sini,” jelasnya sambil mengharap komuniti setempat dapat mencegah amalan vandalisme di kawasan riadah tersebut kelak.



KETUA Menteri ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan tanda bagus pada Majlis Pecah Tanah Penarafan Padang Taman Berjaya di sini baru-baru ini.



KEADAAN gelanggang bola keranjang berbumbung baru.



SOON Lip Chee (tujuh dari kanan) bersama-sama Ahli JKKK Kampung Sanglang menanam pokok-pokok sayur pada Majlis Perasmian Projek Pertanian Bandar JKKK Sanglang di sini baru-baru ini.

Tanam sayur organik, kurang kos sara hidup

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **SOON LIP CHEE**

JAWI – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berhasrat menjadikan beberapa lokasi dalam kampung sekitar sini sebagai kawasan pertanian bandar menggunakan teknologi organik dan menjalar.

“Sememangnya teknologi organik dan menjalar masih baru di negara ini, tetapi hasil inisiatif JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) Kampung Sanglang, kita akan mengorak langkah menjadi perintis projek pertanian bandar di Jawi ini.

“Walaupun aktiviti penanaman sayur

memerlukan kesabaran dan minat tinggi, rata-rata penduduk kampung terutama suri rumah mengakui usaha ini dapat membantu mereka menangani beban sara hidup yang kian meningkat selain membantu memulihkan tanah daripada penggunaan bahan-bahan kimia iaitu sifar racun serangga,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Projek Pertanian Bandar JKKK Sanglang di sini baru-baru ini.

Turut serta, wakil-wakil dari Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dan wakil LA21 di bawah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Menerusi projek tersebut, pelbagai jenis sayuran ditanam antaranya bayam, sawi, kucai, musk melon, timun dan petola.



RODZIAH Hashim (depan, bertudung) memegang mesin mengacau dodol sambil merakam gambar kenangan bersama-sama Muhasdey Muhamad (kiri sekali) dan Ir. Ahmad Zakiyyuddin Abd. Rahman (dua dari kiri) di kediamannya di sini baru-baru ini.



WWW.WORLDCURRYFESTIVAL.COM

30 JANUARI – 1 FEBRUARI
SPICE ARENA

PENANG
MALAYSIA



Bersempena:

Dianjurkan oleh:

Penaja:

